

Daripada Abi Ummah Al-Bahiliyu berkata: "Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat memberi syafaat kepada pembacanya."

(Riwayat Al-Imam Muslim)

## BERKENAN MENERIMA JUNJUNG ZIARAH JEMAAH HAJI NEGARA



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada 992 bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi.

>> Muka 3

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada salah seorang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

## 487 orang terima pingat kehormatan

Oleh : Haniza Abdul Latif

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun kepada 487 penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan serta swasta.

>> Muka 5

## Penglibatan rakyat, penduduk NBD cerminkan rasa kasih terhadap raja tercinta

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Rabu, 30 April. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; serta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dalam ucapan mukadimah, antara lain memaklumkan bahawa lantikan Jawatankuasa Kebangsaan adalah sebagai langkah persediaan dan persiapan awal bagi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025 agar segala program yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan teratur dan rapi.

>> Muka 8



## Berita Utama



**PLATFORM** membina hubungan bermakna, memupuk komuniti inklusif

Muka 9



**MENINGKATKAN** kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab

Muka 14



**MEMPERKUKUH** jaringan global dalam memartabatkan pendidikan Islam

Muka 19



**PERAHU** Siap Siaga Bencana

Muka 28

# Rangsang suasana ayat-ayat Al-Quran melalui musabaqah membaca Al-Quran

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

**A**LHAMDULILLAH wasyasyukrulillah. Dengan izin dan rahmat-Nya, malam pertama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan tahun ini seperti juga pada tahun-tahun sebelumnya adalah diserikan oleh keberangkatan Duli Tuanku yang akan mengurniakan sabda perasmianya.

Maka dengan menjunjung ampun hamba Duli Tuanku dan juga mewakili penasihat-penasihat dan segenap peringkat Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, dan juga rakan serta sahabat-sahabat yang tahun ini menempati giliran menjadi penganjur bersama acara majlis dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta dari sektor swasta ialah Brunei Shell Marketing, dan seterusnya Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis yang dianjurkan ini, abis hamba Duli Tuanku sekalian menyembahkan sembah junjung kasih yang tinggi di atas perkenan Duli Tuanku berangkat ke majlis yang berhiaskan

sulaman suci tilawah ayat-ayat Al-Quran.

Maka dengan mengambil sukut baik keberkatannya itu abis hamba Duli Tuanku mendoakan semoga Duli Tuanku dan kerabat Duli Tuanku akan sentiasa sihat dan bahagia dengan limpah rahmat kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa dalam perlindungan-Nya.

Disembahkan bahawa musabaqah kali Ke-67 tahun diadakan ini adalah bertemakan Akal Sihat Dengan Al-Quran, iaitu pada mendukung dan menyuntik kesedaran serta menjayakan usaha kita senegara dalam menangani gejala mental dengan pendekatan kerohanian di samping ilmu dan amalan praktikal aspek perubatan dan kesihatan.

Dalam masa yang sama tema Akal Sihat Dengan Al-Quran adalah juga bererti dengan mengamalkan gaya hidup sihat, yang dalam konteks Al-Quran ialah amalan membaca Al-Quran yang antaranya akan menenteramkan jiwa, hati sanubari dari resah gelisah dan gundah gulana, iaitu sebagaimana maksud dari firman Allah Surah Ar-Ra'd, ayat 28 :

Tafsirnya : "Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram".

Dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim :

Mafhumnya : "Tiada duduk berkumpul suatu kaum di suatu rumah dari rumah-rumah Allah, mereka membaca kitab Allah dan bertadarus di antara mereka, melainkan turunlah kepada mereka

ketenangan, diliputi mereka dengan rahmat, dilindungi oleh para malaikat dan Allah menyebut-nyebut mereka itu di kalangan orang yang ada di sisinya (para malaikat)".

Dalam hubungan musabaqah ini dan musabaqah-musabaqah membaca Al-Quran yang berterusan diadakan adalah sebagai merangsang suasana ayat-ayat Al-Quran dibacakan hampir setiap waktu dan ketika. Namun dalam pada itu kita perlu juga menyedari bahawa ke arah yang dimaksudkan untuk berakal sihat dengan Al-Quran melalui amalan gaya hidup yang sihat itu adalah tersedia melalui dasar pendidikan nasional kita.

Sesungguhnya pendidikan formal yang meliputi pembelajaran agama atau pengetahuan Islam (Islamic Knowledge), secara amali khasnya bersembahyang dan membaca Al-Quran di sekolah-sekolah itu, di samping ada yang mempelajarinya secara *non-formal* atas inisiatif persendirian atau keluarga dengan mendatangkan guru mengaji mengajar ke rumah-rumah, dan menghantar anak cucu ke masjid-masjid pada sebelah pagi hari Jumaat, kesemuanya itu adalah dilihat sebagai usaha negara dan orang ramai untuk memungkinkan generasi demi generasi kita adalah generasi yang celik Al-Quran yang tentunya akan lebih baik dan sempurna lagi dengan berjinak-jinak untuk memahami ayat-ayat yang dibaca.

InsyaaAllah semua itu akan membawa berkat iaitu berkat Al-Quran itu sendiri dan berkat membaca dan memahami kandungannya. Dengan itu adalah selaras dengan tujuan tema Musabaqah Akal Sihat Dengan Al-Quran melalui mengamalkan cara



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, menyebarkan sembah alu-aluannya pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Selasa (malam Rabu), 24 Syawal 1446H / 22 April 2025M (malam pertama) bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

hidup sihat iaitu usaha sendiri dengan melazimkan membaca Al-Quran.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	ZULKAEDAHI HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	SABTU	5	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
4	AHAD	6	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
5	ISNIN	7	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.38
6	SELASA	8	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
7	RABU	9	4.36	4.46	6.07	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
8	KHAMIS	10	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.37	6.26	7.39
9	JUMAAT	11	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	33 25 °C	34 25 °C	
Pekan Bangar 33 24 °C	33 24 °C	34 24 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 26 °C	34 25 °C	
Kuala Belait 32 24 °C	32 24 °C	32 24 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

3 MEI 2025

### Mencapai Haji yang Maburr

**A**DA lima rukun Islam dan ibadah haji merupakan salah satu daripadanya yang wajib dilaksanakan oleh setiap Mukallaf dan berkemampuan. Erti Mukallaf ialah orang Islam yang sudah baligh dan telah dikenai kewajiban atau perintah agama. Menunaikan ibadah haji setentunya mempunyai kelebihan.

Bagi orang yang mampu menunaikan ibadah haji, kelebihan yang telah diraih ialah mereka telah melaksanakan amalan yang paling afdhal seperti yang dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari, Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu, ia berkata, "Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya, "Amalan apa yang paling afdhal?" Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab, "Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya." Ada yang bertanya lagi, "Kemudian apa lagi?" Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab, "Jihad di jalan Allah." Ada yang bertanya kembali, "Kemudian apa lagi?" "Haji maburr", jawab Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam."

Antara kelebihan ibadah haji yang lain ialah, ianya merupakan ibadah dimana balasannya adalah syurga. Akan tetapi, untuk mendapatkan balasan syurga apabila menunaikan ibadah haji, jemaah hendaklah berusaha agar ibadah haji yang ditunaikan tidak bercampur dengan perkara-perkara dosa. Ibadah haji juga merupakan jihad di jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Menurut satu lagi hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari, Dari 'Aisyah-ummul Mukminin-radhiyallahu 'anha, ia berkata, "Wahai Rasulullah, kami memandang bahwa jihad adalah amalan yang paling afdhal. Apakah bermakna kami harus berjihad?" "Tidak. Jihad yang paling utama adalah haji maburr", jawab Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam."

Setiap orang yang menunaikan haji setentunya mahukan haji yang maburr. Perlu difahami bahawa haji maburr bukanlah sekadar haji yang sah akan tetapi diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Bagaimana hendak mendapat haji yang maburr ialah dengan memiliki niat yang tulus semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan mengharap keredaan-Nya dan juga wang yang digunakan untuk menunaikan haji ialah halal. Menurut para ulama, antara tanda-tanda haji yang maburr ialah perubahan iman kepada orang yang telah menunaikan haji itu seperti tidak berbuat maksiat dan melakukan perkara-perkara tidak baik yang membawa kepada dosa. Seseorang itu juga ternampak perubahan pada sikap, wajah, akhlak dan cara hidupnya apabila ia kembali dari melakukan haji. Amal ibadatnya bertambah baik dan ia rajin melakukannya berbanding sebelumnya. Mudah-mudahan untuk para jemaah yang akan bakal menunaikan ibadah haji tidak lama lagi akan diterima ibadah hajinya, Amin Ya Rabbal Alamin.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berkenan menerima junjung ziarah jemaah haji negara



**KEBERANGKATAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Menerima Mengadap dan Junjung Ziarah bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

## >> Muka 1

Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah tersebut berlangsung di

Istana Nurul Iman, hari ini. Dari jumlah tersebut, seramai 472 bakal jemaah haji lelaki, manakala seramai 520 bakal jemaah haji perempuan.

Jumlah tersebut adalah termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan) dan juga pegawai pengiring syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, bakal jemaah haji negara menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan menikmati jamuan tengah hari.

## >> Muka 4



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji negara (atas).



**SEBELUM** Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, bakal jemaah haji negara menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah (atas dan bawah kiri). Manakala gambar bawah, sekitar majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji negara (atas, kanan dan bawah).



>> Muka 3

Pada majlis tersebut, bakal jemaah haji negara menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berupa pakaian ihram bagi bakal jemaah haji lelaki dan telekung bagi bakal jemaah haji perempuan.

pengendali perkhidmatan pakej haji iaitu Darussalam Services Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd.; At-Taqwa Travel Tours Sdn.Bhd.; Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.; Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd. dan Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. Penerbangan bakal jemaah haji negara akan bermula pada 15 hingga 18 Mei nanti.



SEBAHAGIAN bakal jemaah haji yang hadir pada majlis tersebut (kiri, bawah kiri dan bawah). Manakala gambar bawah sekali kiri, bakal jemaah haji negara semasa menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berupa pakaian ihram bagi jemaah haji lelaki dan telekung bagi jemaah haji perempuan.



# 487 ORANG TERIMA PINGAT KEHORMATAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas kiri dan atas kanan).



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

## >> Muka 1

Berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan NBD selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada hari kedua Istiadat Pengurniaan Pingat diadakan di Balai Singgahsana Indera

Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini, seramai 174 penerima lelaki dan 313 penerima dikurniakan dan menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B), yang terdiri daripada 171 penerima dari Kementerian Kesihatan; 69 penerima dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; 55 penerima dari Kementerian Pembangunan; 147 penerima dari Kementerian Pendidikan; 28 penerima dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan 17 penerima swasta.

Bagi memberkati Majlis Istiadat Pengurniaan Pingat - pingat Kehormatan NBD tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Pendalaman, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta Besar, Setiausaha - setiausaha Tetap, ketua - ketua jabatan, pegawai - pegawai kanan kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim serta Ketua-ketua Kampung.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas sekali kiri, atas dan kiri). Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



# BRUNEI DPMM FC KUTIP 3 MATA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 2 Mei. - Brunei DPMM FC mengutip tiga mata penuh selepas mengalahkan Tanjong Pagar United FC dengan keputusan 2 - 1 pada perlawanan Liga Perdana Singapura 2024/2025 (Singapore Premier League - SPL) yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Terdahulu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan Brunei DPMM FC lebih menguasai perlawanan dan berjaya menjaringkan gol seawal minit ke-9 menerusi tendangan kencang pemain importnya, Davis Ikaunieks ke pintu gawang pihak



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenaan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Perdana Singapura 2024/2025. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (kiri dan atas).

lawan.

Kedua-dua pasukan saling silih berganti mengatur serangan, namun Brunei DPMM FC sekali lagi berjaya menjaringkan gol melalui sepakan Davis Ikaunieks pada minit ke-30.

Bersambung pada babak kedua perlawanan, kedua-dua pasukan terus menggandakan asakan untuk mendapatkan gol

namun tetap menemui jalan buntu.

Sementara pada minit ke-82, Tanjong Pagar United FC akhirnya bangkit dan berhasil membolosi gawang Brunei DPMM FC menerusi Sahil Suhaimi.

Kedudukan 2 - 1 kekal hingga wisel penamat sekali gus menjadikan Brunei DPMM FC berjaya menambah tiga mata penuh dengan mengumpul keseluruhan 35 mata dan kekal di tangga keenam.


Pertemuan seterusnya Brunei DPMM FC di gelanggang luar ialah pada 11 Mei ini yang akan berhadapan dengan Balestier Khalsa.



**AKSI** para pemain pada perlawanan berkenaan (kiri dan kiri sekali). Manakala gambar bawah kiri dan bawah, sekitar perlawanan tersebut yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



# YANG DI-PERTUA MMN MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung secara berasingan di Bangunan Dewan Majlis (kiri dan kanan).

## Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 30 April. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia

Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu daripada Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Yang

Terutama Alexandra McKenzie dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi yang berlangsung secara berasingan di Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Semasa kunjungan hormat

bersama Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie, kedua-dua pihak menyentuh mengenai hubungan dua hala yang terjalin erat sejak sekian lamanya. Perbincangan juga menyentuh aspek kerjasama dalam bidang-bidang sedia ada termasuk bidang pendidikan, pertahanan dan pertukaran lawatan serta keakraban hubungan di pelbagai peringkat, termasuk hubungan antara rakyat (*people-to-people*).

Antara lain, kedua-dua turut bertukar-tukar pandangan mengenai kepentingan perkembangan teknologi komunikasi semasa sebagai pendekatan untuk mengeratkan lagi hubungan antara kerajaan dan masyarakat serta perancangan untuk meneroka kerjasama antara parlimen.

Sementara itu, semasa kunjungan hormat bersama Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi

Rajabi, perbincangan menyentuh mengenai isu-isu semasa yang menjadi keprihatinan dan kepentingan bersama dua negara.

Kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai kepentingan penyelesaian aman terhadap isu-isu global serta menzahirkan harapan agar usaha berterusan melalui rundingan dan dialog dapat membawa kepada keamanan dan kestabilan yang berkekalan. Kedua-dua pihak juga membincangkan perancangan untuk meneroka kerjasama antara parlimen.

Turut hadir semasa kunjungan-kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.



### Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

### Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

#### Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:  
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:  
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan  
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

#### Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:  
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:  
1. Berumur 50-75 tahun; dan  
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan  
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan  
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

#### Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:  
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:  
1. Berumur 40-65 tahun; dan  
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan  
3. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan  
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.

#### Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:  
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:  
1. Berumur 20-65 tahun; dan  
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan  
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan  
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

## HALUAN

### >> Muka 2

Ungkapan kata tema musabaqah Akal Sihat Dengan Al-Quran tidaklah semata-mata bermaksud untuk mengawasi dan mengatasi gejala mental akan semakin bertambah di kalangan kita lalu semakin ramai pesakitnya untuk dirawat secara kerohanian di samping secara ilmiah praktikal perubatan dan kesihatan. Sebaliknya kita menyediakan sarana untuk mengelakkannya dengan kita sendiri dan generasi seterusnya terdidik bersekolah formal dalam dasar pendidikan nasional, aliran persekolahan umum dan persekolahan ugama / Arab. Dengan itu kita dan generasi kita seterusnya mempunyai persediaan untuk mengamalkan cara atau gaya hidup sihat secara kerohanian dengan pandai membaca Al-Quran, apatah lagi dengan memahami ayat-ayatnya. Maka sekali gus dengan pandai membaca Al-Quran dan melazimkan diri untuk membacanya adalah dalam usaha menjaga dan memastikan kita akan berakal sihat dengan mengamalkan gaya hidup sihat secara kerohanian melalui Al-Quran yang dimiliki dan dibaca dengan lazim.

Semoga Allah Ta'ala mentaufikannya. Demikianlah disembahkan. Hamba Duli Tuanku menjunjung ampun atas sebarang suruk langkah dan tutur kata yang tidak sengaja.

Sebelum mengakhiri sembah mukadimah ini sekali lagi hamba Duli Tuanku menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Duli Tuanku yang seterusnya akan menyemarakkan lagi Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun ini dengan sabda perasmian Duli Tuanku. Hamba Duli Tuanku juga menjunjung ampun atas silap salah dan suruk langkah yang janggal.

Seterusnya hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan untuk menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Paduka Adinda Duli Tuanku, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dengan iringan doa semoga Paduka Adinda Duli Tuanku yang akan juga berangkat menyerikan musabaqah ini pada malam keduanya esok, insyaaAllah, akan sentiasa dalam 'inayah Allah Subhanahu Wata'ala, sihat dan bahagia bersama kerabat.

Diucapkan terima kasih tanda penghargaan kepada sekalian peringkat jawatankuasa kerja, pihak-pihak yang menyumbang serta memberikan kerjasama dan pertolongan bagi menjayakan majlis musabaqah ini.

Semoga kita sekalian beroleh berkat dan mendapat ampun serta reda Allah dunia akhirat.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



# PENGLIBATAN RAKYAT, PENDUDUK NBD CERMINKAN RASA KASIH TERHADAP RAJA TERCINTA

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Di samping itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai penglibatan dan sokongan padu rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada semua peringkat dalam memeriahkan lagi sambutan perayaan yang mencerminkan rasa kasih rakyat dan penduduk kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta dapat mengukuhkan perpaduan dan keharmonian tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.

Selain itu kata Yang Berhormat lagi, keaktifan dan sumbangan para belia, termasuk para pelajar, melambangkan kesinambungan kepimpinan dan kedaulatan negara ini seterusnya menjivai aspirasi

NBD ke arah memperkukuh perpaduan, kestabilan, dan kemakmuran negara.

Yang Berhormat juga memaklumkan mengenai beberapa siri perbincangan yang telah diadakan di peringkat Jawatankuasa Pandu berhubung dengan persediaan-persediaan yang sedang dilaksanakan antaranya mengenai pembaikan separuh padang Taman Sir Haji Omar 'Ali Saifuddin yang melibatkan penanaman semula rumput menggunakan kaedah *hydroseeding*, persediaan dalam menyerikan suasana pusat bandar melalui penataan cahaya hiasan (cucul) yang akan dilaksanakan secara berperingkat dan penyediaan awal reka bentuk *giant banner*, pintu gerbang, *vertical banner*, dan kain rentang, bagi memeriahkan suasana sambutan perayaan itu nanti.

Laporan perkembangan persediaan-persediaan ini tambah Yang Berhormat, juga telah dibentangkan dan dibincangkan secara lebih lanjut semasa Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan berkenaan.

Hadir ke mesyuarat berkenaan ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, selaku Penasihat Bersama.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Grand Chamberlain, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai

kerajaan yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 bagi Tahun 2025.

Mesyuarat membincangkan laporan persediaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 bagi Tahun 2025, antaranya Upacara Pengibaran dan Penurunan Bendera Besar NBD, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran, Istiadat Barisan Kehormatan, Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan NBD, Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap.

anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2025, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di keempat-empat daerah, Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, dan Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara, Acara Riadah Berbasikal Keputeraan dan Perlawanan Tarik Kalat Se-ASEAN, dan Majlis Ilmu.



**SEKITAR** Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

# Meneroka teknologi baharu, meningkatkan piawaian penjagaan pesakit

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Simposium Makan Malam Edwards Lifesciences (kiri). Manakala gambar bawah kanan, sesi perbincangan mengenai penyakit injap jantung pesakit dan pengurusan sepanjang hayat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 2 Mei. - Lebih 40 pakar perubatan terkemuka dan doktor hadir membincangkan strategi inovatif untuk meningkatkan hasil rawatan pesakit dalam penggantian injap jantung dan penjagaan jangka panjang pada Simposium Makan Malam Edwards Lifesciences bertajuk 'A Paradigm Shift in Valve Replacement and Lifetime Management'.

Simposium kelolaan Syarikat Parvati melalui Bahagian Perubatan (Parvati Medical Division) berkenaan diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Simposium berkenaan

merangkumi beberapa sesi perbincangan yang diketuai oleh para pakar termasuk Pengarah Sukan Kardiovaskular dan Kecergasan / Pakar Bedah Kardiorasik Kanan (Senior Consultant Cardiothoracic Surgeon), Profesor Dato' Seri Dr. Jeffrey Jeswant Dillon; dan Ketua Jabatan Kardiologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Sofian bin Dato Paduka Dr. Haji Johar, yang juga selaku Duta Antarabangsa Persatuan Jantung Brunei.

Acara diakhiri dengan perbincangan kes secara dinamik mengenai penyakit injap jantung pesakit dan pengurusan sepanjang

hayat, yang menggalakkan penyertaan serta perkongsian ilmu dalam kalangan hadirin.

Pada majlis berkenaan, penyampaian cenderamata penghargaan disampaikan oleh Pengarah Urusan Parvati, Hemant Punjabi.

Simposium berkenaan menawarkan peluang unik kepada para profesional penjagaan kesihatan untuk bertukar amalan terbaik, meneroka teknologi baharu dan bersama-sama meningkatkan piawaian penjagaan pesakit.

Syarikat Parvati kekal komited dalam menyokong para doktor menerusi inovasi perubatan yang berfokuskan kepada pesakit.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia  
Sila muat turun  
PegunaBijak



# PLATFORM MEMBINA HUBUNGAN BERMAKNA, MEMUPUK KOMUNITI INKLUSIF

Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Brunei Methanol Sdn. Bhd.



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir selaku tetamu kehormat pada sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berkangsung di Dewan Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Syarikat Brunei Methanol Sdn. Bhd. (BMC) baru-baru ini menganjurkan sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama pihak berkepentingan, rakan kongsi perniagaan dan pekerja di Dewan Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Dengan bertemakan 'Riang Ria Aidilfitri', acara berkenaan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Jesus Enrique Mora Marin,

bersama-sama ahli Pengurusan Eksekutif dan ketua-ketua jabatan.

Antara tetamu kehormat majlis yang hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.



Juga hadir, Timbalan Pengerusi BMC, serta wakil-wakil daripada pelbagai pihak kerajaan dan rakan kongsi perniagaan.

Majlis berkenaan dimeriahkan lagi dengan persembahan kebudayaan dan penampilan istimewa artis tempatan, iaitu Ezah Hashim, yang meraikan kekayaan warisan Negara Brunei Darussalam dan semangat perayaan Hari Raya.

Sebagai sebahagian daripada sambutan berkenaan, Jesus

Enrique Mora Marin bersama-sama ahli Pengurusan Eksekutif turut menyampaikan sumbangan ikhlas kepada 29 anak yatim dari Kampung Sungai Liang dan Lumut.

Sumbangan bermakna berkenaan membawa keceriaan kepada kanak-kanak, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan BMC terhadap kebajikan komuniti, selaras dengan strategi CSR #RESPECT.

Hari Raya adalah masa untuk

renungan, kesyukuran dan kemurahan hati dan tema 'Riang Ria Aidilfitri' merangkumi nilai-nilai berkenaan. Majlis tersebut menyerlahkan dedikasi BMC untuk membina hubungan yang bermakna dan memupuk komuniti yang inklusif dan terhubung.

Lebih daripada sekadar acara perayaan, ia mengukuhkan lagi peranan BMC sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dalam masyarakat.

## Gemilang Syawal 2025 perkukuhkan kerjasama sektor tenaga

Siaran Akhbar dan Foto : Shell in Brunei

**JERUDONG**, Jumaat, 2 Mei. - Shell in Brunei (SIB), Brunei Shell Joint Ventures (BSJV), dan Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd. (BGC) menganjurkan acara Gemilang Syawal 2025 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, di Dewan Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin kanan dan pihak berkepentingan utama bersama meraikan perayaan, rangkaian dan persahabatan.

Acara antara lain bertujuan sebagai platform untuk kepimpinan SIB, BSJV dan BGC untuk melibatkan diri dengan para tetamu daripada kerajaan Brunei, kedutaan dan wakil kanan dari organisasi swasta yang mempunyai perkongsian penting dengan syarikat.


Perhimpunan itu menggariskan komitmen SIB, BSJV dan BGC untuk memupuk hubungan yang kukuh dan kerjasama berterusan dengan pihak berkepentingan utama, yang menyumbang kepada kejayaan syarikat dan pertumbuhan ekonomi Brunei.

Selain beramah mesra dan peluang rangkaian, tetamu dihiburkan dengan pelbagai hiburan tempatan, hidangan makanan tradisional dan hari raya,

dan diceriakan dengan semangat Hari Raya.

Acara itu mencerminkan penghargaan SIB, BSJV dan BGC untuk rakan kongsi dan pihak berkepentingan, mengiktiraf sokongan berterusan mereka dan usaha bersama dalam memacu kemajuan dalam sektor tenaga Brunei.

**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada acara Gemilang Syawal 2025 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.



**SEKITAR** acara berkenaan yang diadakan di Dewan Royal Berkshire, Restoran Tarindak D'Polo (kanan dan kanan sekali).

# MENINGKUKUKKAN KERJASAMA KE ARAH MEMPERKASA BELIA ASEAN



SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir ke Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Belia ASEAN kali Ke-14 dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Belia ASEAN Campur Tiga kali Ke-13 pada 28 hingga 29 April 2025 di Manila, Filipina.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

MANILA, FILIPINA, Rabu, 30 April. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Belia ASEAN kali Ke-14 (ASEAN SOMY XIV) telah bersidang pada 28 April 2025 di Manila, Filipina dan telah dipengerusikan oleh Penolong Setiausaha / Pesuruhjaya Suruhanjaya Belia Besar Negara, Filipina, Michelle Mae Gonzales. Diikuti dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Belia ASEAN Campur Tiga kali Ke-13

(13th SOMY +3) pada 29 April 2025 yang dipengerusikan bersama oleh Pengarah bagi Pertukaran Belia Antarabangsa, Jepun, Michelle Mae Gonzales dan Mr. Fujimori.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; dan para Pegawai Kanan ASEAN atau wakil yang

bertanggungjawab bagi hal ehwal belia dan perwakilan peringkat tinggi serta Timbalan Setiausaha Agung Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC).

ASEAN SOMY XIV dan ASEAN 13th SOMY +3 adalah platform untuk Pegawai-pegawai Kanan ASEAN dan perwakilan peringkat tinggi serta pihak berkepentingan yang berkaitan dalam bidang hal ehwal belia untuk bertukar-tukar pandangan dan membincangkan kerjasama ke arah memperkasa belia ASEAN dalam usaha membangun Komuniti ASEAN

selaras dengan Kenyataan Pemimpin ASEAN mengenai pembangunan Komuniti ASEAN Pasca-2025.

Para Pegawai-pegawai Kanan Belia ASEAN mengambil maklum perkembangan dan pencapaian pelaksanaan Pelan Kerja Belia ASEAN 2021 hingga 2025, dan menekankan peningkatan usaha dan inisiatif dalam memperkukuh komunikasi interaktif daripada pihak belia ASEAN.

Pegawai Kanan Belia ASEAN juga mengambil maklum mengenai dengan kemas kini status pengendalian Kajian Penggal Akhir Pelan Kerja Belia 2021 hingga 2025 dan impak kepada pembangunan dan pemeraksanaan belia di rantau ini serta membincangkan bidang keutamaan rancangan Kerja ASEAN Pasca 2025.

Mesyuarat juga meneruskan sokongan padu kepada organisasi-organisasi belia ASEAN untuk melaksanakan program-program pembangunan belia yang diselaraskan dengan bidang keutamaan Pelan Kerja Belia 2021 hingga 2025, iaitu pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan, peluang dan pekerjaan, penglibatan belia, kesedaran mengenai ASEAN, nilai dan identiti.

Mesyuarat juga merakamkan

penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh rakan dialog, organisasi-organisasi belia ASEAN dan rakan dialog ASEAN dalam pelaksanaan Pelan Kerja Belia Campur Tiga ASEAN 2021 hingga 2025, yang melengkapkan Pelan Kerja Belia ASEAN 2021 hingga 2025, dalam memperkasa belia ASEAN dan menyumbang ke arah mengukuhkan persahabatan, perpaduan dan kerjasama dengan belia bersama rakan dialog.

ASEAN SOMY XIV dan ASEAN 13th SOMY +3 telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan ASEAN dan Negara Campur Tiga yang bertanggungjawab terhadap belia, rakan kongsi dan pertubuhan perwakilan peringkat tinggi seperti Committee for ASEAN Youth Cooperation (CAYC), ASEAN Institute for Peace and Reconciliation (ASEAN-IPR), ASEAN Foundation, ASEAN Youth Forum, ASEAN Youth Organization dan Singapore Polytechnic.

Negara Brunei Darussalam (NBD) juga berkesempatan untuk mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Jepun bagi membincangkan pelaksanaan program pertukaran Belia ASEAN Jepun dan juga cadangan program kerjasama Jepun - NBD dalam hal Ehwal Belia.

Turut hadir, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi, serta pegawai dari KKBS, NBD.

## Tingkatkan kesedaran bantu dalam pembinaan masjid NBD



TUTONG, Rabu, 30 April. - Bagi menyambut baik kempen meningkatkan kesedaran dalam kalangan jemaah masjid agar turut sama membantu dalam pembinaan masjid di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui sumbangan derma ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Penanjong, Daerah Tutong mengadakan forum bertajuk 'Meraih Istana Syurga' mengenai Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD bertempat di Masjid Kampung Penanjong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai dan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu

Mukim Ukong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Masjid Kampung Penanjong, Awang Dilla Aiyad Kasyidi bin Ahmadi. Forum dikendalikan oleh Pegawai Masjid Kampung Danau, Awang Abdul Hadi bin Abdul Rahman selaku moderator forum dan ahli-ahli panel yang terdiri daripada Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu dan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Antara tujuan forum diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan para jemaah masjid supaya bertanam saham di akhirat dengan menyumbangkan derma ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Selain itu, untuk memberi pengetahuan dan kemudahan kepada jemaah masjid mengenai cara untuk menyumbang ke Tabung Dana bagi Pembinaan

Masjid NBD serta cara berinfak selain daripada tabung yang dikhususkan selain untuk menyuntik motivasi mereka supaya terus berbakti kepada agama melalui sumbangan derma sebagai salah satu wadah penyebaran dan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : DK. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat di forum berkenaan. Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri). Sementara gambar atas, ahli-ahli panel semasa menyampaikan ucapan mereka. Manakala gambar bawah, sebahagian daripada yang hadir pada forum tersebut.

pengukuhan syiar agama.

Acara juga dimuatkan dengan penerangan peraturan kewangan untuk peletakan tabung, pembukaan tabung, pengiraan duit, penghantaran duit ke bank

dan penghantaran laporan ke Urus Setia Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid NBD. Acara juga diselenggarakan dengan sesi praktikal menderma menggunakan QR Kod.



# UNISSA TERIMA KUNJUNGAN RASMI DELEGASI JABATAN MUFTI JOHOR



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



## KTB peluang mengeratkan silaturahmi



ANTARA yang menyertai Program 'Ke Temburong Bisai' (KTB) Edisi Sharing Time yang diadakan di sekitar Pekan Bangar.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**TEMBURONG**, Jumaat, 2 Mei. - Sebagai salah satu pengisian program 'Ke Temburong Bisai' (KTB) Edisi Sharing Time, satu program, iaitu Program Sharing Time yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labu Estate dan Piasau-Piasau, MPK Sibut dan Sumbiling, MPK Batu Apoi dan MPK Lepong Baru, Daerah Temburong dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong berlangsung selama empat hari bermula pada Khamis, 1 Mei hingga Ahad, 4 Mei 2025, bermula jam 8.00 pagi, bertempat di sekitar Pekan Bangar.

Program dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong; Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar, selaku Pengerusi Bersama Program KTB Edisi Sharing Time.

Selain itu, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) juga tidak ketinggalan dalam memeriahkan program berkenaan dengan mengadakan Tahsin Al-Fatihah untuk mengumpul para belia khususnya kumpulan-kumpulan belia untuk bernaung di bawah entiti Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), selain dapat melahirkan belia yang lebih kreatif dalam aktiviti keagamaan.

Antara objektif program tersebut adalah bagi mengeratkan lagi silaturahmi antara Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Temburong, para belia dan beliawanis seluruh negara serta memberi peluang kepada peserta berkongsi ilmu dan pengalaman.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir bagi mengikuti pelbagai aktiviti untuk meramaikan dan memeriahkan lagi program KTB Edisi Sharing Time.

**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menerima kunjungan rasmi daripada delegasi Jabatan Mufti Johor yang diketuai oleh Mufti Negeri Johor Darul Ta'zim, Sohibus Samahah Yang Berhormat Dato' Haji Yahya bin Haji Ahmad (atas kiri dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan rasmi daripada delegasi Jabatan Mufti Johor yang diketuai oleh Mufti Negeri Johor Darul Ta'zim, Sohibus Samahah Yang Berhormat Dato' Haji Yahya bin Haji Ahmad.

Ketibaan delegasi Yang Berhormat Mufti Negeri Johor Darul Ta'zim tersebut dialu-alukan oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji

Zainal, berserta pegawai-pegawai eksekutif UNISSA.

Di dalam ucapan alu-aluan, Rektor UNISSA menyampaikan rasa penghargaan atas kunjungan Mufti Negeri Johor Darul Ta'zim ke UNISSA dan juga menyatakan penubuhan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i di UNISSA adalah hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan para ulama dan cendekiawan yang beribawa dalam memperkembangkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Mazhab Syafi'i.

Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA merupakan sebuah pusat penyelidikan yang memfokuskan kajian berkaitan

Mazhab Syafi'i serta menyediakan pelbagai program akademik yang lebih fleksibel dan dinamik berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah bagi memenuhi keperluan dan pembangunan negara.

Yang Berhormat Mufti Negeri Johor Darul Ta'zim, dalam ucapan balasnya berasa kagum dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh UNISSA demi memperkasa hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, perbincangan ilmiah di antara kedua-dua pihak yang menumpukan kepada usaha-usaha dalam menangani isu-isu hukum serta fatwa kontemporari yang berteraskan pegangan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Syafi'i.

## IIFA perkukuhkan, mengharmonikan perundangan Islam



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Mei. - Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, selaku ahli tetap Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dan wakil Negara Brunei Darussalam telah bertolak ke Doha, Qatar hari ini bagi menghadiri Persidangan Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (IIFA) Kali Ke-26.

Turut serta ke persidangan tersebut ialah Ketua Istinbat, Awang Haji Abdul Rahman bin Pengarah Haji Mokti, selaku Pemerhati Tetap dan Pegawai Istinbat di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Khairul Anwar bin Haji Muhammad.

Persidangan kali ini dijadualkan berlangsung selama enam hari bermula 3 Mei hingga 8 Mei 2025.

Edisi ke-26 pada kali ini akan

**TIMBALAN** Mufti Kerajaan selaku ahli tetap Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dan wakil Negara Brunei Darussalam bertolak ke Doha, Qatar bagi menghadiri Persidangan Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (IIFA) Kali Ke-26.

menjadi peluang berharga sebagai platform bertukar-tukar pendapat secara ilmiah, meneliti cabaran perundangan kontemporari, dan menawarkan penyelesaian praktikal berdasarkan prinsip Islam.

IIFA ditubuhkan pada Januari 1981 sebagai satu inisiatif dan badan subsidiari Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Ia adalah sebuah akademi untuk kajian lanjutan Islam yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi.

Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada kalangan fuqaha, ulama, dan cendekiawan Islam terkemuka yang pakar dalam bidang ilmu perundangan, budaya, saintifik dan ekonomi dari negara-negara anggota OIC.

IIFA juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan dan mengharmonikan perundangan Islam di kalangan mazhab yang berbeza, mencari penyelesaian perundangan untuk isu-isu baharu secara bersama, dan dianggap sebagai salah satu platform paling penting untuk berdialog dan berinteraksi secara ilmiah dalam kalangan sarjana Islam.

# 20 warga Kementerian Kesihatan sertai bi'thah haji perubatan



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**KETUA** Rombongan Bi'thah Perubatan Haji bagi Musim Haji 1446H / 2025M mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan.

**BERAKAS**, Rabu, 30 April. - Bagi sama-sama meraikan rombongan bi'thah perubatan haji dan warga Kementerian Kesihatan yang bakal menunaikan fardu haji pada tahun ini, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Doa Selamat bagi Rombongan Bi'thah Perubatan Haji dan Bakal Jemaah Haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, hari ini.

Hadir selaku wakil Menteri Kesihatan ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian

Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pengarah Urusan Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; Pemangku Pengarah Urusan Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Dayang Zamzaipa binti Haji Ismail; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Rombongan Bi'thah Perubatan Haji bagi Musim Haji 1446H / 2025M, Dr. Awang Haji Aziman bin Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Yaakub.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada bakal jemaah haji seramai 28 penerima yang terdiri daripada lapan lelaki dan 20 perempuan daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Setelah itu, majlis diikuti dengan Penyerahan Sijil Perlindungan Skim Takaful Duyufur Rahman dari Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn. Bhd. dan Cenderamata Bagasi Khas dari

Darussalam Holdings Sdn. Bhd. bagi Rombongan Pegawai Perubatan Haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1446H / 2025M.

Pada tahun ini, seramai 20 Pegawai-pegawai Perubatan Haji yang mengikuti rombongan, terdiri daripada enam pegawai perubatan dan 14 pegawai kejururawatan. Seperti lazimnya, sebahagian daripada pegawai - pegawai perubatan haji ini akan bertolak lebih awal dan yang lainnya akan mengiringi jemaah di setiap penerbangan.

Majlis tersebut bertujuan bagi memohon keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala supaya seluruh ahli rombongan bi'thah haji perubatan dan bakal jemaah haji diberi keselamatan, kesihatan, dan kekuatan sepanjang menjalankan ibadah haji.

Selain itu, ia bertujuan bagi meraikan dan memberi tanda penghargaan atas amanah yang akan dipikul oleh bi'thah perubatan serta mengiktiraf bakal jemaah atas rezeki menjadi tetamu Allah Subhanahu Wata'ala; serta memohon agar segala tugas kesihatan dan perkhidmatan yang akan dilaksanakan, dipermudahkan dan berjalan dengan lancar serta penuh hikmah.



**PEMANGKU** Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan hadir selaku wakil Menteri Kesihatan pada Majlis Doa Selamat bagi Rombongan Bi'thah Perubatan Haji dan Bakal Jemaah Haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.



# Menggalakkan inovasi, penambahbaikan perkhidmatan kesihatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Mei. - Kementerian Kesihatan menganjurkan bengkel bertajuk 'Empowering Brunei Darussalam's Health Future : Showcasing and Promoting the Value and Impact of Health Professions Through Evidence-Based Approach' bertempat di Dewan Bahtera, Tingkat 2, Badi'ah Hotel, di sini.

Bengkel selama dua hari bermula hari ini hingga Jumaat, 2 Mei 2025 disertai oleh seramai

70 ahli profesional kesihatan, termasuk Profesional Kesihatan Bersekutu, doktor dan jururawat bagi memberi tumpuan kepada aspek-aspek utama dalam pembangunan kapasiti.

Para peserta yang mengikuti sesi latihan ini adalah untuk memperkukuhkan kemahiran teknikal, khususnya dalam amalan berasaskan bukti, serta meneroka strategi penyampaian komunikasi yang lebih berkesan.

Pensyarah Kanan dari University

of South Australia, Profesor Saravana Kumar juga berkongsi pandangan praktikal mengenai kemajuan profesion kesihatan melalui pendekatan berasaskan bukti.

Bengkel ini diharapkan bagi peserta untuk bekerjasama dengan erat, berkongsi maklumat serta pendapat, mempelajari kajian kes-kes yang berjaya dan membincangkan amalan terbaik di tempat kerja.

Hasil pencapaian daripada bengkel berkenaan memainkan peranan yang penting membuktikan nilai dan impak



**PENSYARAH** Kanan dari University of South Australia, Profesor Saravana Kumar semasa berkongsi pandangan praktikal pada bengkel berkenaan.

profesional kesihatan dalam penjagaan kesihatan, sejajar dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam ke arah sistem penjagaan kesihatan yang mampan dan berkualiti tinggi.

Peserta bengkel akan dapat menerapkan ilmu yang

dikongsikan dan juga kemahiran yang diperoleh dalam membantu memperkukuhkan profesion masing-masing, menggalakkan inovasi dan menyumbang kepada penambahbaikan perkhidmatan kesihatan secara berterusan di seluruh negara.

## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

**PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN**

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)

**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
menandakan "100%" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

**PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL**

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

**PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS**

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

## MEMBENTUK GENERASI MASA DEPAN KE ARAH MEMAJUKAN NEGARA



**PEMANGKU** Pengarah Pendidikan Kokurikulum semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada salah seorang penerima (kanan dan atas).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 2 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK) dengan kerjasama Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) pada hari ini mengadakan Majlis Penutup Program Sehari Bersama Pandu Puteri Tunas 2025 di Dewan Pusat Belia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad



Norilham bin Haji Jais.

Seramai 90 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada 30 orang guru sekolah rendah yang akan menubuhkan Pandu Puteri Tunas di sekolah masing-masing dan 60 orang ahli Pandu Puteri Tunas dari sekolah rendah kerajaan dan swasta.

Program Sehari Bersama Pandu Puteri Tunas merupakan satu inisiatif yang menghimpunkan ahli Pandu Puteri Tunas dari sekolah rendah kerajaan dan swasta.

Program ini dilaksanakan melalui kaedah pembelajaran tidak formal secara berkumpulan, untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran peserta selaras dengan matlamat Pandu Puteri Tunas dalam membentuk generasi masa depan yang berpotensi memajukan diri, bangsa dan negara.

Program antara lain bertujuan untuk meningkatkan minat dan semangat peserta dalam melaksanakan aktiviti Program

Pandu Puteri Tunas.

Selain itu, ia juga diadakan bagi membina kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai ahli Pandu Puteri Tunas serta memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan pemikiran melalui aktiviti interaktif.

Di samping itu, program juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berkolaborasi dan menjalin hubungan silaturahim dalam kalangan peserta.

## Menggalakkan belia meneroka peluang dalam bidang ICT

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 2 Mei. - Sempena Sambutan Hari Wanita dalam ICT Antarabangsa 2025, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, telah menganjurkan bengkel sehari bertajuk 'The Art of Digital Content Creation - Building A Meaningful Content for Social Impact', baru-baru ini.

Acara tersebut diadakan di Kolej Perniagaan Laksamana (LCB) dan dihadiri seramai 39 pelajar terdiri daripada pelajar perempuan Tahun 9 sekolah kerajaan bersama guru-guru mereka.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus

AITI, Dayang Nurfarizah binti Abdullah Esai, sebagai Ketua Acara.

Selaras dengan tema tahun ini, iaitu 'Wanita dalam ICT untuk Transformasi Digital yang Inklusif', beliau menekankan bahawa setiap individu, tanpa mengira jantina, harus mempunyai peluang yang sama untuk menyumbang, memimpin dan berinovasi dalam ruang digital.

Dayang Nurfarizah juga menekankan bagaimana penciptaan kandungan digital memperkasa peserta untuk berkreasi, berkongsi idea dan menyatakan perspektif mereka secara bermakna melalui platform digital.

Bengkel berkenaan menampilkan sesi yang bermaklumat daripada fasilitator

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

UTB, Dr. Siti Noor Fatimah binti Haji Awang Safar yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Memahami Bagaimana Kandungan Digital Membentuk Persepsi', diikuti oleh Dayang Noor Deenina binti Haji Mohd. Salleh, yang mengetuai pembentangan yang menarik mengenai 'Kejuruteraan Emosi : Bagaimana Visual Mencetuskan Emosi' dan 'Etika dalam Penciptaan Kandungan Digital'.

Sesi berkenaan membantu para peserta mengembangkan kemahiran praktikal yang

diperlukan untuk mencipta kandungan digital bermakna yang direka untuk menyampaikan maklumat, melibatkan diri dan memberi inspirasi kepada orang lain.

Pada sesi praktikal, pelajar menggunakan apa yang mereka pelajari dengan menghasilkan kandungan digital mereka sendiri, yang kemudiannya dipamerkan semasa segmen penutup bengkel.

Fasilitator seterusnya memberikan maklum balas dan berkongsi dapatan utama daripada

penyertaan peserta.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah untuk tiga pencipta kandungan terbaik, diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada fasilitator, yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif AITI.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan AITI untuk menggalakkan belia, terutamanya wanita muda dan para gadis untuk meneroka peluang dalam bidang ICT, serta untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran untuk berkembang maju dalam dunia yang mengutamakan digital.



**TIMBALAN** Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) semasa hadir pada bengkel tersebut.



### MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Persiapan Menghadapi Krisis Ekonomi Global.' Tarikh Tutup : 7 Mei 2025
2. 'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.' Tarikh Tutup : 14 Mei 2025
3. 'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.' Tarikh Tutup : 21 Mei 2025

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM BAHASA ARAB



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Bengkel Wacana Pedagogi : Komunikasi Guru Mudah dan Berkesan Menggunakan al-Lughah al-Saffiyah diteruskan lagi dengan memasuki hari kedua yang melibatkan tenaga pengajar persekolahan Arab dan mahasiswa serta mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang berlangsung di kolej universiti berkenaan, di sini.

Sepanjang hari kedua bengkel, para peserta didedahkan dengan sambungan sesi pembelajaran yang menumpukan kepada penggunaan ungkapan asas al-Lughah al-Saffiyah dalam pengajaran dan pembelajaran semasa proses pengajaran berlangsung.

Sesi-sesi yang dijalankan memberi peluang kepada peserta

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

untuk memahami dan mempraktikkan secara lebih mendalam penggunaan bahasa Arab yang fasih dan sesuai dalam konteks bilik darjah.

Bengkel berkenaan terus dikendalikan oleh fasilitator jemputan, Awang Mior Syazril bin

Mohamed Sapawi bersama pembantu fasilitator, Dayang Siti Norhafizah binti Haji Salleh, yang memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada para peserta bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab secara berkesan.



SEKITAR suasana hari kedua Bengkel Wacana Pedagogi : Komunikasi Guru Mudah dan Berkesan Menggunakan al-Lughah al-Saffiyah yang berlangsung di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

## Memupuk pemikiran kreatif dalam kalangan belia



**PEMENANG**-pemenang pertandingan bergambar ramai bersama pihak Cyber Security Brunei (CSB) di Majlis Penyampaian Hadiah yang telah diadakan di Ibu Pejabat CSB.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Cyber Security Brunei (CSB), melalui Brunei Computer Emergency Response (BruCERT), telah menyampaikan anugerah kepada lima pelajar Sarjana Muda Sains (BSc) dalam bidang Multimedia Kreatif dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) atas sumbangan cemerlang mereka dalam mempromosi kesedaran keselamatan siber melalui kandungan video kreatif.

Para pelajar berkenaan ialah Awang Muhammad Zakwan bin Haji Zunaidi, Dayang Fatin Farida binti Haji Asri, Dayang Ameerah 'Aisyah binti Haji Edham, Dayang Nur Nadiah Syazwani binti Shamsuddin, dan Awang

Muhammad Hasbol Wafi bin Sertini.

Mereka telah menerima hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan pada Majlis Penyampaian Hadiah yang diadakan di Ibu Pejabat CSB.

Hadiah wang tunai telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Penerangan di CSB, Awang Azman Iskandar bin Ariffin.

Video yang dihasilkan oleh para pelajar menekankan topik-topik utama dalam keselamatan siber seperti amalan teknologi sihat, keselamatan kata laluan dan bahaya penjejakan dalam talian.

Karya-karya pemenang akan disiarkan di televisyen dan

dikongsi melalui platform media sosial rasmi BruCERT untuk mempromosi amalan dalam talian yang lebih selamat dalam kalangan orang ramai.

Inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada kerjasama berterusan antara UTB dan BruCERT, dengan pelajar menghasilkan video bertemakan keselamatan siber sebagai sebahagian daripada tugas mereka semasa kursus pengajian mereka.

Pertandingan tahunan ini bertujuan untuk menggalakkan pemikiran kreatif dalam kalangan belia serta memperkasakan mereka sebagai penyokong amalan dalam talian yang selamat.



## Tawaran Tertutup TPK 3,4 siri BBK dibuka

■ **Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Tawaran Tertutup bagi Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) bagi tiga dan empat angka siri BBK iaitu dari BBK 100 hingga BBK 9999 akan dibukakan melalui NomborKu : Click-and-Bid mulai Khamis, 1 Mei 2025 hingga Rabu, 14 Mei 2025.

Senarai TPK bagi tiga dan empat angka Siri BBK yang ditawarkan boleh diakses secara dalam talian melalui laman sesawang NomborKu 'www.nomborku.gov.bn'.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyertai tawaran boleh membuat pembayaran Caj Penyertaan sebanyak BND25 bagi setiap satu tawaran TPK melalui dua kaedah berikut iaitu pembayaran secara dalam talian (online); mempunyai kad debit atau kad kredit yang sah laku.

Selain itu, pembayaran secara tunai melalui kaunter-kaunter perkhidmatan JPD - membuat pembayaran di kaunter-kaunter perkhidmatan JPD (kecuali Kompleks Latihan dan Ujian Memandu JPD Sungai Akar) bagi mendapatkan kod baucar.

Layari laman sesawang NomborKu di 'www.nomborku.gov.bn' untuk melengkapkan penyertaan tawaran dengan memasukkan kod baucar.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut mengenai NomborKu : Click-and-Bid, sila layari laman sesawang 'www.nomborku.gov.bn' atau hubungi JPD semasa waktu pejabat melalui talian +673 7181641 (WhatsApp) atau e-mel 'hello@jpd.gov.bn'.



## Kelebihan dan keistimewaan membina masjid

Subhanahu Wata'ala, tempat yang suci, tempat berkumpulnya segala kebaikan, tempat orang-orang Islam beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Masjid juga merupakan syiar agama Islam dan masjid juga adalah tempat yang paling disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Tempat yang paling disukai Allah di dalam sesuatu negeri itu ialah masjid-masjidnya manakala tempat yang paling Allah benci ialah pasar-pasarnya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Memandangkan masjid itu adalah tempat yang paling disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengarahkan orang-orang Islam yang tinggal di suatu tempat sama ada di bandar, mukim dan kampung untuk membina masjid. Perintah ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Aisyah Radiallahuanha :

**Maksudnya :** "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh membina masjid-masjid di tempat-tempat (perkampungan) dan menyuruh membersihkan dan memberi harum."

Istimewanya masjid itu dalam agama kita ialah sehingga pembinaan masjid disediakan ganjaran yang besar. Orang-orang yang menghulurkan sumbangan untuk membina masjid maka Allah Subhanahu Wata'ala akan mendirikan rumah untuknya di syurga. Perkara ini selaras dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanha, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Siapa yang membina masjid kerana Allah sekalipun hanya seperti sarang burung atau lebih kecil maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Hadis ini mendorong kita selaku umat Islam untuk terlibat bersama-sama memberi sumbangan dalam membiayai dan membina masjid yang merupakan pelaburan amal ataupun saham akhirat yang sangat besar ganjarannya. Luasnya rahmat dan kemurahan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya ini menuntut kita agar tidak mensia-siakkannya.

Kita di Negara Brunei Darussalam ini amat bersyukur kerana mempunyai raja yang sangat mengambil berat dan prihatin terhadap kehidupan beragama di negara ini. Ini terbukti apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Tabung ini adalah satu wadah yang disediakan oleh kerajaan bagi memudahkan orang ramai khasnya rakyat dan penduduk negara ini untuk meraih ganjaran dalam membina masjid walau dalam jumlah yang sedikit. Ini kerana jumlah sumbangan kita walaupun kecil namun ia tetap besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Pembinaan sebuah masjid itu adalah disifatkan sebagai wakaf. Harta wakaf sebagaimana yang kita ketahui adalah termasuk dalam sedekah dan amal jariah. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Apabila seseorang meninggal dunia, maka terputuslah segala amalnya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Alhamdulillah, pada ketika ini Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah dibukakan kepada orang ramai mulai 27 Mac 2025 yang lalu hingga 31 Disember 2025. Perkhidmatan ini memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini bagi menginfakkan dan membelanjakan harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hasil kutipan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam akan digunakan bagi membina masjid baharu, membaik pulih dan menambah bangunan masjid. Mudah-mudahan segala yang kita sedekahkan dan infakkan dengan tulus ikhlas diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah akan menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui". (Surah Al-Baqarah, ayat 261)

**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur, ayat 36 :

**Tafsirnya :** "(Cahaya itu bersinar terutamanya) di rumah-rumah ibadat (masjid) yang Allah perintahkan supaya dimulihkan dan disebut nama Allah di dalamnya. (Orang-orang yang beriman) bertasbih kepada-Nya di dalamnya pada waktu pagi dan petang".

Masjid merupakan sebaik-baik tempat di muka bumi kerana ia adalah rumah Allah

# 12 pelajar Pra Vokasional terima sijil



SESI bergambar ramai bersama tetamu kehormat iaitu Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, pihak Jabatan Sekolah-Sekolah dan pelajar-pelajar yang diraikan (atas). Manakala gambar kanan, penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat.

### Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Mei. - Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil bagi meraikan pencapaian pelajar dalam menyempurnakan aktiviti pembungkusan rempah Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. bagi tahun 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Nooh bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Dalam ucapannya, Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Dayang Hajah Khadijah binti Haji Awang Mohd. Salleh merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih

kepada pihak Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan pihak Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) atas aktiviti pembungkusan rempah yang merupakan projek kerjasama sejak 2015 yang dilaksanakan di beberapa sekolah menengah kerajaan yang terpilih. Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar adalah merupakan sekolah peneraju bagi projek kerjasama ini.

Beliau berharap agar projek kerjasama itu akan dapat diteruskan dalam masa terdekat kerana ia membantu membangunkan kemahiran kebolehpasaran pelajar dan pelajar juga memperoleh pengalaman kerja sebagai persediaan untuk penempatan latihan kerja dan pekerjaan selepas tamat program. Beliau menambah bahawa sijil

itu amat bernilai dalam portfolio peribadi masa depan pelajar dan sebagai salah satu bukti pencapaian pelajar semasa belajar di sekolah ini.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada 12 pelajar Program Pra Vokasional dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Aktiviti pembungkusan rempah ini adalah merupakan projek kerjasama antara pihak Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan pihak JSS, Kementerian Pendidikan sejak tahun 2015 bertujuan membina kemahiran kebolehpasaran dan menimba pengalaman kerja.

Pada masa ini, terdapat empat buah sekolah menengah kerajaan yang terpilih melaksanakan projek ini iaitu Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Sekolah



Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Katok dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam. Turut hadir, Ketua Unit

Pendidikan Kerjaya dari JSS, Pengetua, Timbalan Pengetua Akademik, Timbalan Pengetua Pentadbiran, guru-guru dan para pelajar yang diraikan.

Kementerian Kesihatan  
MINISTRY OF HEALTH

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Selamatkan Usus Awda*

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفَيْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ  
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ  
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَهٍ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذَنْبِي،  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباحوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

## PERSIAPAN ROHANI, JASMANI PENTING SEBELUM KE TANAH SUCI

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Mei. - Dengan bermulanya musim haji bagi tahun ini, bakal jemaah haji sedang giat membuat persiapan daripada segi rohani, mental dan fizikal agar dapat melaksanakan amal ibadah dengan sempurna semasa berada di Tanah Suci nanti.

Salah seorang bakal jemaah haji, Awang Muhammad Fikri Muazzam bin Haji Mahli berkata, persiapan daripada segi mental dan fizikal sebagai bakal jemaah amat penting bagi memastikan ibadah yang dikerjakan berjalan dengan lancar.

"Daripada segi kerohanian, saya banyak mempelajari perkara yang perlu dilakukan dan diingat semasa menunaikan ibadah haji nanti.

Manakala daripada segi fizikal, mencapai kesihatan optimum melalui penjagaan makanan juga sentiasa dititikberatkan

memandangkan ibadah haji memerlukan kami banyak bergerak dan



**PENGIRAN Amal Nurhayati binti Pengiran Haji Ahmad** semasa ditemu bual.

berjalan kaki," katanya semasa menghadiri Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah bagi Bakal Jemaah Haji di Istana Nurul Iman, petang tadi.

Awang Muhammad Fikri Muazzam turut melahirkan harapan agar dapat menunaikan ibadah haji dalam keadaan tenang dan fokus, dan insyaaAllah, mendapatkan haji yang mabrur.

Beliau yang akan berangkat ke Tanah Suci bersama ahli-ahli keluarganya ini bersyukur dan teruja kerana berpeluang menjejakan kaki ke Tanah Suci buat pertama kali setelah menanti sejak tahun 2018.

"Ia merupakan rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi saya berpeluang menunaikan Rukun Islam kelima pada tahun ini bersama ahli-ahli keluarga," ujarnya.

Sementara itu, Pengiran Amal Nurhayati binti Pengiran Haji Ahmad juga menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menunaikan ibadah haji buat pertama kali bersama ahli-ahli keluarga yang lain.

Sebagai persediaan sebelum dijangka berangkat ke Tanah Suci pada 18 Mei nanti, guru sekolah rendah berkenaan telah menghadiri kursus-kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji dan memastikan bekalan kewangan



**PEGAWAI Perubatan Haji, Awang Haji Hannan bin Abdullah** semasa ditemu bual.

**AWANG Muhammad Fikri Muazzam bin Haji Mahli** semasa bergambar ramai bersama ahli-ahli keluarga.

semasa berada di Tanah Suci nanti mencukupi.

Ketika ditanya mengenai harapannya, Pengiran Amal Nurhayati berkata, beliau sentiasa berdoa agar urusan menunaikan ibadah haji mereka sekeluarga dipermudahkan, dan semoga tiba di Tanah Suci dan kembali ke tanah air dengan selamat.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, salah seorang Pegawai Perubatan Haji, Awang Hassanudin bin Matzin memberitahu, rombongan Pegawai Perubatan Haji bagi Musim Haji Tahun 2025 Masihi / 1446 Hijrah yang akan berada di Tanah Suci adalah seramai 20 pegawai perubatan yang terdiri daripada enam doktor serta 14 pegawai jururawat dan kakitangan kejururawatan.

"Perkhidmatan Klinik Pemeriksaan Kesihatan Haji, insyaaAllah, akan ditempatkan di Maden Al-Rawda Hotel, Madinah. Manakala, perkhidmatan klinik berkenaan juga akan ditempatkan di Snood Ayyad Hotel, Makkah," ujar beliau.



Berkongsi mengenai persiapan rombongan Pegawai Perubatan Haji sebelum bertolak ke Tanah Suci, Awang Haji Hannan bin Abdullah yang juga salah seorang Pegawai Perubatan Haji menjelaskan, Klinik Pemeriksaan Kesihatan Haji telah dilaksanakan di keempat-empat daerah bermula akhir bulan November 2024 sehingga kini.

"Persiapan awal termasuk beg-beg kecemasan, juga setiap penerbangan dan dokumen penting yang berkaitan turut disediakan untuk memberikan perkhidmatan perubatan haji kepada para jemaah semasa perjalanan dan setelah tiba di Tanah Suci nanti."

Mengenai persiapan ubat-ubatan dan *consumable items* yang diperlukan, ia telah dibuat



bermula awal bulan Januari 2025 dan akan dihantar ke Tanah Suci bagi memudahkan Perkhidmatan Perubatan Haji pada tahun ini.

Beliau menyarankan bakal jemaah haji untuk membawa buku rekod kesihatan serta panduan kesihatan Haji, juga buku vaksinasi (COVID-19 Booklet) dan membawa bekalan ubat-ubatan harian yang mencukupi.

Selain itu, penjagaan kesihatan lain juga perlu diambil perhatian oleh mereka antaranya menjaga kebersihan seperti kerap mencuci tangan, menjaga kesihatan yang baik dan optimum agar dapat menunaikan ibadah haji dengan sempurna pada tahun ini; sentiasa minum air yang cukup dan mengunjing klinik jika mempunyai tanda-tanda sakit atau demam yang memerlukan rawatan segera.

**PEGAWAI Perubatan Haji, Awang Hassanudin bin Matzin** semasa ditemu bual.

## Pengurniaan pingat cerminkan tanggungjawab berterusan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Mei. - Pengurniaan pingat merupakan lambang penghargaan terhadap usaha dan tanggungjawab yang telah dilaksanakan sebagai penjawat awam. Ia turut mencerminkan kepercayaan dan pengiktirafan daripada pihak atasan serta negara terhadap komitmen dan sumbangan yang telah diberikan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Pegawai Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Mardyanah @ Susillawaty binti Haji Awang Omar yang merupakan salah seorang penerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) semasa ditemu bual pada Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Bukan sahaja memberi makna peribadi, Dayang Mardyanah @ Susillawaty menganggap pengurniaan pingat tersebut mencerminkan tanggungjawab berterusan dalam memelihara nilai profesionalisme dan kecemerlangan kerja.

Terdahulu, beliau melahirkan rasa amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan merasa terharu atas pengiktirafan tersebut.

"Ia merupakan satu penghormatan besar dan saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada semua yang telah bekerjasama dan memberi sokongan sepanjang perkhidmatan saya," ujarnya.

Berkhidmat selama hampir 18 tahun sejak tahun 2007, beliau ingin menjadikan pengurniaan pingat tersebut sebagai satu dorongan untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi dan integriti.

Turut ditekankan bahawa setiap pegawai atau kakitangan kerajaan perlu mempunyai integriti yang tinggi, amanah, serta komited dalam melaksanakan tugas.

Menurutnya, disiplin, ketelusan, dan semangat untuk sentiasa belajar serta memperbaiki diri juga amat penting di samping sikap bekerjasama dan kepekaan terhadap kehendak masyarakat serta dasar-dasar kerajaan adalah antara ciri utama yang perlu ada.

Beliau berhasrat untuk terus menyumbang secara positif dalam memartabatkan bidang kebudayaan negara, serta membantu melestarikan warisan budaya demi generasi akan datang dan berharap agar pengurniaan pingat tersebut menjadi inspirasi kepada rakan-rakan seperjuangan untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi dan ikhlas.

Sementara itu, Ketua Tukang Pelan (Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya), Pengiran Umi Sophia binti Pengiran Suhaimi turut melahirkan rasa amat gembira dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki dan anugerah tersebut.

"Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan PIKB sebagai pengiktirafan terhadap khidmat bakti saya selama 15 tahun berkhidmat di Jabatan Kerja Raya," ujarnya.

Beliau berpendapat, pengurniaan pingat tersebut membawa makna yang amat besar serta berharga dan bukan sahaja sebagai satu bentuk penghargaan terhadap usaha dan komitmen dalam menjalankan tugas, tetapi juga menjadi pembakar semangat untuk terus memberikan khidmat yang terbaik kepada negara dan rakyat.

Menurutnya lagi, setiap pegawai atau kakitangan kerajaan perlu mempunyai integriti yang tinggi, berdisiplin, amanah, dan sentiasa bersikap profesional.

Selain itu tambahnya, kecekapan dalam menjalankan tugas, semangat kerjasama, serta kesediaan untuk terus belajar dan memperbaiki diri juga amat penting bagi memastikan perkhidmatan awam terus cemerlang.

Beliau berharap agar dapat terus menyumbang bakti dan kepakaran dalam bidang yang diceburi serta memberi inspirasi kepada rakan-rakan sejawatan yang lain di samping berharap agar generasi akan datang dalam perkhidmatan awam terus berusaha gigih, berdedikasi, dan cekap dalam menjalankan tanggungjawab demi kemajuan negara.

Manakala Penolong Pegawai Kewangan, Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkihah, Awang Amri bin Haji Md. Salleh yang



**PEGAWAI Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Mardyanah @ Susillawaty binti Haji Awang Omar (kiri sekali) dan Ketua Tukang Pelan (Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya), Pengiran Umi Sophia binti Pengiran Suhaimi (kiri).**

juga merupakan salah seorang penerima PIKB turut melahirkan rasa syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan pingat tersebut.

Menurutnya, pengurniaan pingat itu merupakan tanda penghargaan dan pengiktirafan atas jasa bakti yang telah berkhidmat di bawah kepimpinan baginda.

"Walaupun saya berkhidmat di bawah

agensi swasta, namun bagi saya setiap individu yang memberikan khidmat kepada orang ramai perlulah menanamkan sifat-sifat keprihatinan dan titih dalam melayani keperluan orang ramai," ujarnya.

Berkhidmat selama 27 tahun bermula tahun 1997, beliau berhasrat akan lebih meningkatkan lagi semangat dan motivasi untuk berkhidmat di bawah Yayasan baginda dalam memeduli orang ramai dan menyampaikan hasrat dan khairat baginda dengan lebih baik lagi.



**PENOLONG Pegawai Kewangan, Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkihah, Awang Amri bin Haji Md. Salleh.**

# MEMPERKUKUH JARINGAN GLOBAL DALAM MEMARTABATKAN PENDIDIKAN ISLAM

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus memperkukuhkan jaringan antarabangsa sesuai dengan Pelan Strategik UNISSA 2024-2028 apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Oxford Centre for Islamic Studies

(OCIS) dan Markfield Institute of Higher Education, United Kingdom (UK).  
Majlis penandatanganan MoU tersebut diadakan di Bilik Galeri OCIS antara Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pengarah OCIS, Dr. Farhan Ahmad Nizami. Kedua-dua institusi menzahirkan

tekad untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan kecemerlangan ilmu dan penyelidikan.

Sebelum majlis berlangsung, perbincangan dua hala diadakan antara kedua-dua pihak, menumpukan kepada usaha memperkasakan kerjasama dalam bidang pendidikan Islam di peringkat serantau dan global.

Dalam perkembangan berkaitan, Rektor UNISSA juga turut memenuhi undangan menghadiri Sesi Perbincangan Meja Bulat bersama Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dr. Tawfig Al-Rabiah di Dewan Utama OCIS, yang membincangkan pelbagai inisiatif penting dalam isu-isu pembangunan ummah pada peringkat global.

Di samping itu, pihak UNISSA juga menandatangani MoU dengan Markfield Institute of Higher Education (MIHE), yang merupakan salah satu institusi pengajian tinggi Islam di UK yang menawarkan beberapa kursus pengajian Islam. Ia sekaligus membuka lebih banyak ruang kolaborasi akademik dan penyelidikan di peringkat



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali bertukar dokumen bersama Pengarah Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS) (atas). Manakala gambar kiri, majlis penandatanganan MoU diadakan di Bilik Galeri OCIS.

antarabangsa khususnya dalam pengajian Islam.

Mengiringi Rektor UNISSA dalam perbincangan dua-hala bersama institusi-institusi pengajian tinggi di UK ini ialah Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA, Dr. Mohammad

Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Kerjasama strategik ini diharap menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ilmu yang berterusan di samping memperkukuh jaringan global UNISSA dalam memartabatkan pendidikan Islam di pentas dunia.

## Tamu Bahasa kongsi manfaat kepada pencinta bahasa, masyarakat



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa mengambil inisiatif sempena Bulan Bahasa ini untuk mengadakan kegiatan kebahasaan antaranya ialah Tamu Bahasa.

Antara objektif Tamu Bahasa ialah mendapatkan sokongan dan penglibatan pelbagai pihak untuk menyebarkan pengetahuan dan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara; membincangkan isu-isu semasa berkaitan Bahasa Melayu untuk memantapkan penggunaan

Bahasa Melayu, istilah-istilah baharu dan tulisan Jawi yang menjadi ciri identiti Bahasa Melayu dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman semua lapisan masyarakat bahawa Bahasa Melayu sebagai identiti bangsa Melayu.

Hadir selaku tetamu khas majlis pada majlis yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Pembentangan disampaikan oleh Dr. Yabit bin Alas sebagai pembicara eksekutif, dengan tajuk

'Nama-nama Kampung di Negara Brunei Darussalam'. Pemakalah merupakan Penolong Profesor Kanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam. Manakala, majlis tersebut pula dipengerusikan oleh Pegawai Bahasa, DBP, Dayang Rosmuliati binti Haji Yahya.

Majlis ini juga diadakan melalui penstriman langsung di Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Seramai 70 peserta hadir ke majlis tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai jabatan-jabatan kerajaan, para mahasiswa, para belia, para pencinta bahasa dan sastera, para penulis, dan orang

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut (kiri) yang dipengerusikan oleh Pegawai Bahasa DBP (atas). Manakala gambar bawah, pembentangan disampaikan oleh Penolong Profesor Kanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.

persendirian serta para pelayar Facebook.

Sebagai kesimpulan, antara inti pati yang dibincangkan oleh pemakalah ialah asal usul nama sesebuah kampung atau tempat yang mencerminkan tamadun, peristiwa, serta kearifan tempatan yang pernah terjadi mahupun segala sesuatu yang telah diamalkan oleh masyarakat penutur masih dikekalkan.

Dengan pembentangan Tamu Bahasa ini, semoga ilmu yang dikongsikan akan dapat dimanfaatkan kepada pencinta bahasa dan masyarakat.



# KELEBIHAN & KEISTIMEWAAN MEMBINA MASJID

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 4 Zulkaedah 1446H / 2 Mei 2025M

## MASJID: TEMPAT PALING MULIA DI SISI ALLAH



Masjid adalah tempat ibadah yang **paling disukai** oleh Allah SWT

Ia bukan sekadar bangunan, tetapi **simbol agama Islam yang penuh berkah**



Masjid merupakan tempat yang memiliki **kedudukan istimewa**, di mana Allah SWT mencurahkan rahmat-Nya

## GANJARAN BERTERUSAN DARI PEMBINAAN MASJID



WAKAF = AMAL JARIAH YANG TIADA HENTI



Membina atau menyumbang kepada pembinaan masjid:

- Amal jariah yang ganjarannya tidak terputus 
- Setiap langkah dalam membina masjid akan memberi **pahala yang terus mengalir**, walaupun selepas kita meninggalkan dunia 
- Ini adalah peluang untuk **meraih keberkatan di dunia dan di akhirat.**

## SUMBANGAN ANDA:

### PAHALA BESAR DI SISI ALLAH



Rakyat Brunei **digalakkan** untuk menyumbang kepada Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.




Hasil kutipan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid akan digunakan

bagi:

Membina masjid baharu

Membaikpulih

Menambah bangunan masjid



## TINDAKAN KITA:

- ✓ Marilah bersama-sama membina masjid dan meraih ganjaran pahala yang berterusan dari Allah SWT.
- ✓ Ambil peluang untuk menyumbang kepada Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dan raih ganjaran yang tidak terhingga.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / KOP / 017 / 2025

**Tajuk:**  
Supply And Delivery Of  
185MM2/3C XLPE HT Cable

**Tarikh Tutup:**  
10 Jun 2025  
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
Tender Box  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bangunan  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Pembekal yang berdaftar  
dengan Kementerian  
Pembangunan dalam kategori dan  
berdaftar dibawah 'Akta  
Syarikat-syarikat Penggal 39'  
serta memiliki 'Perakuan  
Penubuhan Syarikat Persendirian  
yang sah.

Dokumen-dokumen tawaran  
dan penerangan-penerangan  
yang lanjut bolehlah diperoleh  
di **Kaunter Unit Tawaran  
dan Sebut Harga,  
Tingkat 4,  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Jabatan Perdana Menteri.**



**Dibukakan Kepada "Architect  
Consultancy"  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / RFQ / DOD / 12 / 2025

**Nama Projek:**  
Request for Quotation (RFQ) for  
Architect Consultancy Services for  
"Kampus Kekal Politeknik Brunei"

**Makluman  
Iklan Tarikh Lanjutan**

**Jemputan Untuk Memberi  
Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / JAN / 014 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Supply and Delivery of Load Gear  
Bearings Spare Parts For Frame 5  
Gas Turbines at DES Power  
Station

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / JAN / 015 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Supply and Delivery of  
Spare Parts For Frame  
5 Gas Turbines At  
SHOASSKW Power Station  
Lumut

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Dilanjutkan:**  
20 Mei 2025.  
Selasa,  
Jam 2.00 Petang.

**Tempat Tutup :**  
"Tender Box"  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan Perdana  
Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

**Dibukakan Kepada "Civil and  
Structural Engineering  
Consultancy"  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / RFQ / DOD / 13 / 2025

**Nama Projek:**  
Request for Quotation (RFQ) for  
Civil and Structural Engineering  
Consultancy Services for "Kampus  
Kekal Politeknik Brunei"

**Dibukakan Kepada  
"Mechanical and Electrical  
Engineering Consultancy"  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / RFQ / DOD / 14 / 2025

**Nama Projek:**  
Request for Quotation (RFQ) for  
Mechanical and Electrical  
Engineering Consultancy Services  
for "Kampus Kekal Politeknik  
Brunei"

**Dibukakan Kepada "Quantity  
Surveying Consultancy"  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan**

**Jemputan Untuk Memberi  
Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 009 / 2025

**Tajuk:**  
Wayleave Maintenance Of  
28FT/35FT Of 415V/11KV  
Overhead Line And Poles In  
Temburong District

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 089 / 2025

**Tajuk:**  
Rectification Of 11KV  
Breakdown In  
Temburong District

**Tarikh Tutup:**  
Selasa  
20 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
Tender Box  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan Perdana  
Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Mempunyai pendaftaran  
syarikat dengan  
Kementerian Pembangunan  
dalam Kelas 3, 4 Atau 5  
dalam Kategori E03  
dan mempunyai pekerja  
yang berdaftar dengan JPE

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / RFQ / DOD / 15 / 2025

**Nama Projek:**  
Request for Quotation (RFQ) for  
Quantity Surveying Consultancy  
Services for "Kampus Kekal  
Politeknik Brunei"

**Yuran Tawaran :**  
BND100.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
20 Mei 2025

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
3 Jun 2025



dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran  
dan penerangan-penerangan  
yang lanjut bolehlah diperoleh  
dari **Kaunter Unit Tawaran  
dan Sebut Harga,  
Tingkat 4, Jabatan  
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan  
Perdana Menteri, Negara Brunei  
Darussalam.**

**Perhatian:**  
Sila sertakan salinan  
"Business Names Enactment,  
1958 - SECTION 16 & 17",  
sijil pendaftaran pemborong  
(MOD), sijil Tabung Amanah  
Pekerja, "TAP Employer  
Contribution" dan  
'Certificate of Tax Compliance'  
semasa menghantar dokumen  
ini ke Jabatan Perkhidmatan  
Elektrik



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025 - 2026 / 01

**Tajuk Tawaran:**  
Cultural Performance Services For  
Tourism Related Activities  
Throughout June 2025 - March  
2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 8 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang



**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2024 / LOG /  
TA / 04  
Pembelian ATV DAN ATV Trailer  
Bagi Kegunaan TDDB

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian



Borang Tawaran adalah  
**Selasa, 20 Mei 2025, Jam 2.00  
Petang.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 27 Mei 2025, 2.00 Petang

**TEROKAI  
KHAZANAH ISLAM**  
BELI BANYAK, JIMAT BANYAK

**PAKEJ LAWATAN**

**PAKEJ KUMPULAN**

IKISHIB BN | BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH | WWW.IKISHIB.GOV.BN | 2220702 EXT 140 | +673 815 3264



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran:**

The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Park Air T6TR Transceiver For Live Standby Approach Radar At Department Of Civil Aviation

**Rujukan Tawaran:**  
ATELS / 2025 / SH-06

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
23 April 2025, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
6 Mei 2025, Selasa

**Tarikh tutup Sebut Harga:**  
7 Mei 2025,  
Rabu  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan, BB2513  
Negara Brunei Darussalam



**Tajuk Tawaran:**

'The Supply, Delivery And Testing Of Alcatel PABX Replacement Parts At Department Of Civil Aviation'

**Rujukan Tawaran:**  
ATELS / 2025 / SH-19

**Tarikh iklan / mengambil  
dokumen Sebut Harga:**  
23 April 2025,  
Rabu

**Tarikh terakhir mengambil  
dokumen Sebut Harga:**  
29 April 2025,  
Selasa

**Tarikh tutup Sebut Harga:**  
30 April 2025,  
Rabu  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam



**Tajuk Tawaran:**

'The Supply, Delivery And Testing Of Long-Range Portable Case Of Very High Frequency Transceiver At Department Of Civil Aviation'

**Bilangan Sebut Harga:**  
ATELS / 2025 / SH-17

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
23 April 2025,  
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
6 Mei 2025,  
Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
7 Mei 2025,  
Rabu  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan  
BB2513  
Negara Brunei Darussalam



Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**  
Selasa  
13 Mei 2025  
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**Syarat Khas:**

Dibukakan Khas Bagi Warga Negara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16 / 17) Ditempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara

**Tawaran Perkhidmatan Kantin**

**MOE / LTK / 04 / 2025 / 2026  
[DA(BPPA-APRIL-2025)]**

Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Kantin Ibu Pejabat, Kementerian Pendidikan, Jalan Airport Lama, Berakas, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 05 / 2025 / 2026  
[DA(BPPA-APRIL-2025)]**

Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND2,198.00 Sebulan

**Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran Bagi MOE / LTK / 04 /  
2025 / 2026 Dan MOE / LTK / 05 /  
2025 / 2026:**  
BND15.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen



# PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bahagian Khidmat  
Bakti Negara [BKBN]  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**  
7 / APRIL / KKBS / BKBN / 1.41 /  
25

**Tajuk Tawaran:**  
Kontrak Penggal Enam (6) Bulan Perkhidmatan Pembersihan (Cleaning / Housekeeping / Janitorial And Landscape Services) Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
6 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / LB /  
TA / 002

Pembelian Outer Cover, Innertube Dan Flap Cover Bagi Kenderaan Handalan 4 Ton Serta Pemasangan, Wheel Balancing Dan Wheel Alignment

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 6 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
13 Mei 2025.





**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam**

**Bil Tawaran:**  
JPE / LTK / KOP / 023/ 2025

**Tajuk :**  
Provision of Security Guard Services For DES Batu Bersurat, Cable Yard Gadong, Main Store Gadong And Pasir Putih Sub-Store for 36 Months

**Tarikh Tutup:**  
20 Mei 2025  
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
Tender Box  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pasukan Polis Diraja Brunei

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari **Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga, Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
(03-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Brunei Muara Untuk Tempoh 12 Bulan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis,  
15 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang



**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
(06-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Temburong Untuk Tempoh 12 Bulan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis,  
15 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang



**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
(05-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Eric Goh Kuala Belait Untuk Tempoh 12 Bulan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis,  
15 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang



**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
(04-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Tutong Untuk Tempoh 12 Bulan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis,  
15 Mei 2025  
Jam 2.00 Petang



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,  
DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q02  
Invitation to Supply, Delivery and Testing of A3 Color Laserjet Printer for Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:**  
BND10.00  
(tidak dikembalikan)



**Tarikh Buka:**  
Isnin,  
28 April 2025

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**  
Khamis,  
8 Mei 2025

**Tarikh Tutup:**  
Isnin,  
12 Mei 2025  
Sebelum jam 9.00 Pagi



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**  
Open

**Kategori :**  
KPB11A Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
6 Mei 2025

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 07 / STE / 2025-T / II

**Nama Projek:**  
'Structural Integrity' Bagi Bangunan Di Kawasan Perumahan Balai Polis Berakas (Blok G Dan Blok H)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
20 Mei 2025,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**  
Open

**Kategori :**  
KPB11A Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
6 Mei 2025

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 06 / STE / 2025-T / II

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Besi Bagi Tangki Air Sentosa

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
20 Mei 2025,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pengeluaran Tomato Menggunakan Teknologi Tinggi / Moden Seluas 5 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian Daerah Brunei dan Muara

**Bilangan : 04 / 2025**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapi permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan

Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :-

**Lokasi :**  
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku B Daerah Brunei dan Muara.

**Keterangan Tapak:**  
Lot H1-2

**Keluasan: 5 hektar**

**Syarat:**  
Bagi menjalankan kegiatan perusahaan pengeluaran tomato menggunakan teknologi tinggi / moden (greenhouse, fertigasi, pengairan titis)

**Tempoh Iklan: 4 minggu**

**Tarikh Mula Iklan:**

Isnin, 21 April 2025

**Tarikh Berakhir Iklan:**  
Isnin, 19 Mei 2025

**Tarikh Akhir Menghantar:**  
Isnin, 16 Jun 2025  
sebelum jam 3.00 Petang

**Harga Penjualan Borang:**  
BND1.00 / borang




**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**
**Jawatan Kosong Sebagai**

Penghulu Mukim Tingkat III -  
PMKK.4  
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

**Daerah Tutong**

**Mukim Rambai**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.

**Tatacara Menghadapkan  
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung  
Jabatan Daerah Tutong  
Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Isnin, 2 Jun 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat e-mel kepada [imk.jdt@tutong.gov.bn](mailto:imk.jdt@tutong.gov.bn)


**JABATAN PERTANIAN  
DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pengeluaran Tomato Menggunakan Teknologi Tinggi / Moden Seluas 5 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian Daerah Brunei dan Muara

**Bilangan : 05 / 2025**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :-

**Lokasi :**  
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku B Daerah Brunei dan Muara.

**Keterangan Tapak:**  
Lot H1-3

**Keluasan:**  
5 hektar


**Syarat:**

Bagi menjalankan kegiatan perusahaan pengeluaran tomato menggunakan teknologi tinggi / moden (*greenhouse*, fertigasi, pengairan titis)

**Tempoh Iklan:**  
4 minggu

**Tarikh Berakhir Iklan:**  
Isnin,  
19 Mei 2025

**Tarikh Akhir Menghantar:**  
Isnin,  
16 Jun 2025  
sebelum jam 3.00 Petang

**Harga Penjualan Borang:**  
BND1.00 / borang


**UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI**

**1. UNISSA / SB0005 / 2025 / 2026**

To Replace, Supply And Install New Air-Conditioning Unit System For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong – [Class: 1 & Above] & [Category: M01]

**2. UNISSA / SB0006 / 2025 / 2026**  
To Replace, Supply And Install



New Air-Conditioning Unit System For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Sinaut – [Class: 1 & Above] & [Category: M01]

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
14 Mei 2025


**JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**
**Kenyataan Bagi Mendapatkan  
Tawaran Sebut Harga**

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2025-2026 / 10 /  
BPPK / 05

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Dua (02) Unit  
**Riding Lawnmower** Untuk  
Jabatan Bandaran Bandar Seri  
Begawan

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**  
Khamis, 29 Mei 2025, Jam 2.00  
Petang

**Keterangan Lanjut Boleh  
Diperolehi:**

Depot Jabatan Bandaran,  
Kampung Belimbing Subok,  
Jabatan Bandaran Bandar Seri  
Begawan.


**Kenyataan Bagi Mendapatkan  
Sebut Harga**

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2025-2026 / 07 /  
BPPK / 03

**Tajuk Sebut Harga :**  
Supply And Delivery  
Customized Uniforms For  
Bahagian Perkhidmatan  
Perbandaran Dan Kebersihan,  
Jabatan Bandaran Bandar Seri  
Begawan.

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**  
Khamis, 8 Mei 2025, Jam 2:00  
Petang

**Keterangan Lanjut Boleh:**  
Bahagian Pemuliharaan Dan  
Kenderaan  
Diperoleh Dari Jabatan  
Bandaran Bandar Seri Begawan,  
Di Tingkat 2,  
Bangunan Pejabat Unit Khidmat  
Bantu Dan Pemeliharaan,  
Spg 594, Jalan Subok, Bandar  
Seri Begawan.


**Kenyataan Bagi Mendapatkan  
Tawaran Sebut Harga**

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2025-2026 / 09 / UP  
/ 03

**Tajuk Sebut Harga:**  
General Repair Jetty Kampung  
Rangas Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**  
Khamis,  
8 Mei 2025,  
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh:**  
Seksyen Pemuliharaan Aset  
Bahagian Pengurusan  
Pemuliharaan Estet  
Di Bangunan Blok 1 (B1)  
Jabatan Bandaran  
Bandar Seri Begawan,  
Tingkat 3  
Flat Perumahan Kerajaan,  
Jalan Seri Beribi Gadong  
BE1118, Bandar Seri Begawan


**JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran Bagi  
Perbekalan  
Jabatan Tanah, Kementerian  
Pembangunan**

**Bilangan dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
01 / 2025-2026  
Tawaran Kerja Pemoangan  
Dan Pembersihan Rumput Di  
Bengkel Stor Jabatan Tanah Bagi  
Tempoh 12 Bulan

**Bilangan dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
02 / 2025-2026  
Tawaran Kerja-Kerja Peti Besi  
Keselamatan (Heavy Duty) Yang  
Terdapat Di Jabatan Tanah,  
Kementerian Pembangunan

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 6 Mei 2025,  
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN ADAT  
ISTIADAT NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
JAIN / 24 / 1983 (BP) – 01 /  
2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekal Bendera Panjang  
Jabatan Adat Istiadat Negara

**Tarikh Tutup / Jam:**  
13 Mei 2025 – Selasa (9.00  
Pagi)

**Tempat Menghantar Sebut  
Harga:**

Peti Sebut Harga,  
Jabatan Adat Istiadat Negara,  
Bandar Seri Begawan BA8610,  
Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**
**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 05 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**  
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja  
Membekal Dan Memasang Pagar  
(Railing) Sebelah Kiri Dan Kanan  
Pada Setiap Tanjakan (Ramp) Di  
Blok-Blok Kompleks Pasarneka  
Dan Tamu Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
14 Mei 2025,  
Jam 2.00 Petang



# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI  
DARI 40% SODIUM



**1** Pilih makanan segar dan tidak berproses

**2** Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



**3** Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

**4** Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

**5** Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus  
Mee Segera

1000 mg



Sebiji  
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan  
Kicap

376 mg



3 sudu makan  
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Udang  
Tempatan

120 mg




1 cawan  
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping  
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan  
Amping

1.7 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana  
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei

Health Promotion Centre

Talian Darussalam 123

# PROGRAM SUA MUKA FOKUSKAN KEBAJIKAN, KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**SENGKURONG**, Khamis, 1 Mei. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensinya kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, pagi tadi mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Jerudong 'B' (Kampung Peninjau), Mukim Sengkurong bertempat di Pejabat Penghulu dan Ketua Kampung, Mukim Sengkurong.

Hadir mengetahui rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, manakala bagi pihak Kampung Jerudong 'B' diketuai

**PEMANGKU** Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Mufidah, mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bagi Kampung Jerudong 'B' (Kampung Peninjau), Mukim Sengkurong.

oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang.

Turut hadir ialah Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Program diisikan dengan penyampaian maklumat mengenai penyebaran maklumat palsu (*fake news*) kepada penduduk-penduduk kampung yang disampaikan oleh Jabatan Penerangan.

Kemudian diteruskan dengan maklumat mengenai tatacara



penjimatian elektrik oleh pihak Jabatan Tenaga, penggunaan Sistem Meter Baharu yang

disampaikan oleh pihak Unified Smart Metering System Sendirian Berhad (USMS) dan juga Pendaftaran Semula Kad Sim Prabayar oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada Dayang Mufidah di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa

kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Sebagai salah satu strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka, program tersebut juga dihasrat dapat meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana, keselamatan, kebersihan, pertanian dan kemudahan penduduk kampung.

**ANTARA** yang hadir pada program tersebut yang diadakan di Pejabat Penghulu dan Ketua Kampung, Mukim Sengkurong.



## Kongsi pendekatan pembahagian zakat harta perniagaan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**SEKITAR** Sesi Bual Bicara Kali Ke-4 anjuran Unit Pembangunan Koperasi yang diadakan di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 April. - Seramai 70 peserta yang terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK), pihak pengurusan koperasi dan ahli-ahli koperasi hadir pada Sesi Bual Bicara Kali Ke-4 yang membawakan tajuk 'Kepentingan Pembahagian Zakat Harta Perniagaan' di dalam Konteks Koperasi' anjuran Unit Pembangunan Koperasi (UPK) bertempat di Bilik Serbaguna 2,

Tingkat 3, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, baru-baru ini.

Sesi Bual Bicara tersebut merupakan salah satu inisiatif UPK dalam usaha bagi menggalakkan koperasi - koperasi untuk mengongsikan pengetahuan asas yang boleh dikaitkan dengan koperasi yang berunsurkan keagamaan, keusahawanan, kewangan dan perniagaan

koperasi.

Antara lain, adalah diharapkan program ini akan dapat memberikan pencerahan dan pendekatan agar ia dapat dipraktikkan dan diaplikasikan oleh koperasi-koperasi dalam pengurusan perniagaan.

Acara tersebut dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh tetamu undangan dari Jabatan Urusan

Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan seterusnya dilanjutkan dengan Sesi Bual Bicara antara peserta-peserta koperasi yang hadir dalam memberikan pendekatan terhadap hala tuju, dasar-dasar dan garis panduan yang berkaitan dengan pengurusan-pengurusan waris atau penama dan pengertian zakat harta perniagaan secara

langsung.

Program Sesi Bual Bicara diakhiri dengan ucapan terima kasih kepada penceramah undangan dari Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal serta peserta-peserta yang hadir. Dengan adanya sesi ini adalah diharapkan peserta-peserta akan dapat memanfaatkan dan menambahbaikkan cara pengurusan operasi perniagaan.

# EJEN PELANCONGAN CHENNAI, INDIA ADAKAN LAWATAN SUAI KENAL KE NBD



ANTARA ejen pelancongan dari Chennai, India semasa menyertai lawatan suai kenal (FAM) selama tiga hari, ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

## Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan kerjasama pihak berkepentingan pelancongan utama termasuk Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), rakan kongsi pelancongan

tempat, dan penyedia penginapan, baru-baru ini menjadi tuan rumah kepada 13 ejen pelancongan dari Chennai, India dalam rangka lawatan suai kenal (FAM) selama tiga hari, ke Negara Brunei Darussalam (NBD). Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha Brunei untuk melibatkan diri dengan pasaran

India dan menyerlahkan tawaran negara kepada pengembara India.

Lawatan suai kenal ini, yang diadakan bermula dari 22 hingga 24 April 2025, merupakan kesinambungan secara langsung daripada lawatan awal Jabatan Kemajuan Pelancongan ke Chennai pada Oktober 2024, di mana perbincangan awal dan pembentangan destinasi, diadakan dengan pemain industri pelancongan utama.

Inisiatif untuk menjemput ejen ini bertujuan untuk memberikan mereka pengalaman langsung mengenai NBD, membolehkan mereka menghargai tarikan unik yang terdapat di Brunei dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mempromosikan dan memperkenalkan Brunei dengan yakin kepada pelanggan mereka.

Di sebalik pengalaman yang menakjubkan, lawatan itu berfungsi sebagai platform berharga untuk penglibatan yang bermakna dan penerokaan potensi perkongsian perniagaan dengan ejen pelancongan tempatan dan pihak berkepentingan pelancongan.

Semasa lawatan tiga hari itu,

Brunei Tourism menjadi tuan rumah kepada ejen-ejen dalam sesi pengenalan yang menarik mengenai tawaran pelancongan negara, menonjolkan tempat-tempat menarik, pengalaman budaya dan peluang perjalanan yang akan menarik minat pelancong India.

Ejen-ejen memulakan lawatan mengikut jadual yang telah disusun, termasuk lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Ayer, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Taman Negara Ulu Temburong dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanil Bolkiah.

Para peserta juga berpeluang mengalami pengalaman lawatan safari sungai bakau yang baru dipertingkatkan dengan menggunakan bot, menawarkan perspektif segar tentang daya tarikan semula jadi Kampong Ayer.

Sesi rangkaian pendek dan maklum balas juga dianjurkan, untuk meneroka potensi kerjasama masa depan dan menyesuaikan usaha pemasaran

agar bersesuaian dengan pasaran pelancongan India, terutamanya dari India Selatan.

Memandangkan India semakin berkembang menjadi pasaran berpotensi utama, didorong oleh trend demografi dan ekonomi, NBD meletakkan keyakinan untuk memanfaatkan potensi yang semakin meningkat ini.

Pelancaran laluan penerbangan terus Chennai - Brunei melalui Royal Brunei Airlines memudahkan lagi perjalanan dan mengukuhkan kebolehcapaian Brunei.

Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk membina asas ini melalui inisiatif yang disasarkan pada tahun 2025, termasuk penglibatan perdagangan di bandar-bandar utama India, kempen pemasaran digital, dan lawatan suai kenal yang dipilih susun, untuk mempamerkan tawaran Brunei yang pelbagai.

Untuk maklumat lanjut tentang aktiviti dan tawaran pelancongan Brunei, lawati laman sesawang rasmi Brunei Tourism di [www.brunetourism.com](http://www.brunetourism.com) atau [@info.brunetourism](https://www.instagram.com/info.brunetourism) di Instagram.

# FASS raikan tokoh bahasa melalui Syarahan Profesor

## Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



PROFESOR Dr. Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya (OKMB) Haji Othman semasa berucap.

**TUNGKU LINK,** Rabu, 30 April. - Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Syarahan Profesor oleh Profesor Dr. Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya (OKMB) Haji Othman, hari ini.

Profesor Dr. Noor Azam, seorang sarjana dan pakar bahasa dalam bidang Inggeris dan linguistik telah menyumbang dalam

bidang pengkhususan beliau dan pengajian media serta pendidikan bahasa di sepanjang kerjaya akademik beliau.

Dalam syarahan yang bertajuk 'The Ecology of Language in Brunei : Diversity, Interplay and Equity', Profesor Dr. Noor Azam membentangkan perbincangan kritikal hasil penyelidikan beliau yang memfokuskan terhadap penelitian landskap *multilingual*

melalui kerangka ekologi bahasa di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Daripada perspektif sosiolinguistik, beliau berpendapat bahawa kepelbagaian bahasa di negara ini boleh wujud bersama, bersaing dan beradaptasi berdasarkan konteks budaya, pendidikan dan politik.

Beliau turut menekankan bahawa kemajmukan bahasa harus difahami sebagai satu sistem yang dinamik dan sentiasa berkembang dan bukan hanya suatu permasalahan yang perlu dilihat secara luaran.

Syarahan tersebut turut menonjolkan usaha beliau dalam memperjuangkan ekuiti ekologi antara bahasa-bahasa di NBD dengan menekankan bahawa setiap bahasa memainkan peranan penting dan mempunyai nilai instrumental yang tersendiri.

Penyelidikan Profesor Dr. Noor Azam banyak menumpukan kepada analisis bahasa, sistem pendidikan dan dasar-dasar negara dengan penekanan terhadap corak sosiolinguistik dan sosiobudaya.

Beliau berpendapat bahawa NBD akan kekal sebagai sebuah 'makmal linguistik' yang wajar diberikan lebih perhatian oleh para sarjana tempatan dan antarabangsa.

Kini menjawat jawatan sebagai Pemangku Pengarah Institut Pengajian Asia (IAS), Profesor Dr. Noor Azam juga pernah menjawat posisi kepimpinan di UBD. Perjalanan akademik beliau termasuklah pelantikan sebagai Pengarah Pusat Bahasa, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, serta Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanil Bolkiah (SHBIE).

Dari tahun 2014 hingga 2017, beliau menerajui Pusat Penyelidikan Lanjutan (CARE) ketika penyelidikan dan inovasi rentas disiplin berkembang pesat di bawah kepimpinannya. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pengarah di Pusat Global UBD-FPT di Da Nang, Viet Nam (2017-2018), sekali gus memperkukuh kehadiran UBD di



TURUT hadir ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD).

peringkat global.

Di luar universiti, beliau juga pernah dilantik sebagai Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) di Kementerian Pendidikan dari tahun 2023 hingga 2024.

Di sepanjang kerjaya beliau, Profesor Dr. Noor Azam telah menerima pelbagai pengiktirafan atas kecemerlangan akademik dan pentadbirannya. Antaranya ialah Anugerah Kecemerlangan Pengajaran UBD bagi bidang Sastera dan Kemanusiaan (2012), Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) (2013), Anugerah Special Mention sempena Hari Guru Kebangsaan Ke-28 (2018), dan Pingat Kerja Lama (PKL) pada Jun 2022.

Dalam ucapannya semasa syarahan tersebut, Profesor Dr. Noor Azam turut melahirkan rasa syukur dan penghargaan yang mendalam kepada keluarga, mentor, rakan sekerja dan sahabat handai atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi.

Sebagai antara tenaga akademik tempatan terawal yang berkhidmat di Jabatan Bahasa dan Linguistik Inggeris di UBD, Profesor Dr. Noor Azam berkongsi bahawa aspirasi beliau untuk menjadi seorang sarjana dan impian untuk menyumbang kepada pembangunan bidang linguistik

tempatan sentiasa menjadi dorongan utama dalam kerjayanya. Beliau telah menerbitkan pelbagai karya akademik yang telah dirujuk di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Hasil penyelidikan beliau, khususnya mengenai situasi sosiolinguistik di NBD, telah mendapat perhatian daripada sarjana di seluruh dunia, termasuk tesis doktoran beliau yang bertajuk 'Changes in the Linguistic Diversity in Brunei Darussalam (2005)'.

Melalui karya-karya dan penerbitan beliau, Profesor Dr. Noor Azam berhasrat untuk memberikan perspektif akademik tempatan yang lebih tepat bagi rujukan para akademik di peringkat antarabangsa.

Semangat cintakan ilmu, usaha berterusan untuk memperbaiki diri, serta sokongan berpanjangan daripada kaum keluarga dan rakan sekerja menjadi teras kepada kenaikan pangkat beliau sebagai profesor penuh di UBD.

Syarahan profesor ini turut merupakan sebahagian daripada sambutan ulang tahun ke-40 UBD, yang meraikan empat dekad kecemerlangan akademik, inovasi, dan impak kepada masyarakat sejak penubuhan universiti ini pada tahun 1985.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



## Perahu Siap Siaga Bencana

**D**ALAM dunia yang semakin terdedah kepada risiko bencana, kekuatan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui infrastrukturnya, tetapi melalui kesediaan rakyatnya untuk bertindak.

Dalam usaha memperkukuhkan kesiapsiagaan negara menghadapi bencana alam, inisiatif Projek Perahu Siaga Bencana yang diperkenalkan dan dikendalikan bersama oleh Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) dan Makan Ceria Sendirian Berhad memperkukuh Pendekatan Seluruh Negara (Whole Nation Approach) ke arah Negara Brunei Darussalam (NBD) yang lebih berdaya tahan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Melalui Projek Perahu Siaga Bencana tersebut, projek ini membuktikan bahawa belia Brunei hari ini menjadi ejen perubahan dan menunjukkan bahawa mereka bukan sekadar pewaris masa depan, tetapi pemangkin ketahanan negara. Ini adalah contoh nyata Pendekatan Seluruh Negara dalam aksi, satu bangsa, satu matlamat iaitu melindungi nyawa, memperkukuh komuniti, dan menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Project Lead Disaster Preparedness Coordinator (DPC) Brunei-Muara dan juga Penasihat serta Pengasas Bersama MMPB, Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie Haji Mohd. Salleh semasa ditemu bual menjelaskan bahawa projek tersebut adalah bukti komitmen belia dalam menabur bakti

kepada negara melalui pendekatan terancang dan bersepadu.

"Projek ini mengangkat prinsip Whole Nation Approach, ia menyatukan usaha kerajaan, sektor swasta, NGO, dan komuniti belia. Gabungan ini menyumbang secara terus kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035, serta selaras dengan Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030.

Inisiatif seperti ini membuktikan bahawa strategi kesiapsiagaan negara memerlukan penglibatan semua pihak, tanpa mengira latar belakang, untuk melindungi nyawa dan memastikan kesejahteraan rakyat," ujar beliau menjelaskan lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan, Makan Ceria Sdn. Bhd. merupakan penyumbang utama bagi projek berkenaan dan ia membuktikan bahawa sektor swasta mempunyai peranan besar dalam membina daya tahan negara. Sokongan padu dari sektor korporat menunjukkan bahawa usaha memperkukuh keselamatan rakyat adalah tanggungjawab bersama seluruh negara.

"Usaha kecil yang dilakukan secara kolektif mampu membawa impak besar," tambahnya.

Menyentuh mengenai perahu berkenaan, jelasnya, perahu tersebut jenis perahu yang mudah alih (*portable*) dengan dilengkapi enjin 'Hangkai 6HP', Pendirian Enjin MT002, jaket keselamatan bagi kanak-kanak dan orang dewasa.

Di samping itu katanya, sesi uji pandu

perahu tersebut telah dilaksanakan pada 4 Januari 2025 di Tasik Kampung Lugu bagi menguji ketahanan, kelajuan dan kecekapan Perahu Siaga Bencana dalam situasi kecemasan. Kejayaan uji pandu tersebut memberikan keyakinan kepada semua pihak bahawa perahu berkenaan bersedia digunakan dalam sebarang insiden bencana sebenar.

Menurutnya, setakat ini empat buah perahu tersebut telah digunakan untuk membantu anak-anak buah kampung di Daerah Tutong, di mana rumah-rumah mereka yang dilanda banjir. Jelasnya, akses ke jalan utama sukar tanpa perahu dan kehadiran perahu berkenaan meringankan beban mereka dan membolehkan penghantaran makanan, perubatan serta memudahkan perpindahan ke pusat pemindahan sementara.

### Impak sosial : Meringankan beban, menyelamatkan nyawa

Penggunaan perahu ini secara langsung telah memberi kesan besar kepada komuniti:

Meringankan tekanan kepada keluarga terjejas, terutamanya golongan warga emas, kanak-kanak dan OKU.

Mempercepat penghantaran bantuan penting, memastikan rawatan kecemasan boleh diberi tepat pada masanya.

Membina kepercayaan masyarakat terhadap keupayaan negara dalam

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ihsan MMPB

melindungi rakyat dalam situasi bencana.

Perahu Siap Siaga Bencana akan diserahkan secara rasmi kepada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) pada satu tarikh yang akan dimaklumkan nanti. Dengan penambahan aset berkenaan, ia membolehkan NDMC dalam mempercepatkan operasi bantuan terutama di kawasan yang sukar dicapai semasa bencana seperti di kawasan yang sering dilanda banjir. Di samping itu ia juga memperkukuh keseluruhan rangkaian logistik nasional untuk operasi bencana, sejajar dengan misi negara ke arah membangunkan ketahanan (*resilience building*) dan pengurusan bencana berasaskan komuniti (*community-based disaster management*).

### Menuju masa depan : Satu visi, satu tindakan

Projek Perahu Siaga Bencana berdiri sebagai bukti nyata bahawa melalui visi jelas, tindakan berani dan kerjasama erat, tiada cabaran yang terlalu besar untuk diatasi. Belia Brunei siap sedia menjadi tunjang utama dalam memastikan negara ini sentiasa bersedia, selamat, dan berdaya tahan. Bersama membina NBD yang lebih kukuh, lebih berwawasan, dan lebih berdaya tahan.



# OPERASI BERSEPADU BONGKAR PENYELEWENGAN ELEKTRIK



OPERASI bersepadu yang melibatkan pelbagai unit dan agensi penguatkuasaan undang-undang telah mendapati berlakunya aktiviti penyelewengan bekalan elektrik yang digunakan untuk mengoperasikan peralatan seperti mesin *mining* bagi tujuan perlombongan mata wang kripto (Bitcoin).

perlombongan mata wang kripto (Bitcoin).

Kesemua barangan bukti yang berkaitan telah dirampas untuk siasatan lanjut.

Seorang suspek warga tempatan telah ditahan dan kini disiasat di bawah Akta Elektrik kerana kesalahan penyelewengan bekalan elektrik tanpa kebenaran.

PPDB memberi amaran bahawa penyelewengan bekalan elektrik adalah satu kesalahan serius yang bukan sahaja membahayakan keselamatan awam dan harta benda, malah boleh dikenakan tindakan tegas di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Sebarang maklumat berkaitan kegiatan jenayah hendaklah disalurkan segera ke balai polis terdekat atau melalui talian kecemasan 993.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 2 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah melaksanakan beberapa operasi bersepadu yang melibatkan pegawai dan anggota dari pelbagai unit dan agensi penguatkuasaan undang-undang.

Operasi berkenaan melibatkan penyertaan Balai Polis Limau Manis, Balai Polis Sengkurong, Unit Digital Forensik, Unit Tempat Kejadian Jenayah (CSI) Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) serta Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AEBD), Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri (JPM).


Operasi tersebut diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Supt. Haji Muhd. Shaker bin Haji Nayan, dengan kerjasama bersama pegawai dan anggota dari

agensi-agensi yang terlibat.

Tindakan bersepadu ini dilaksanakan secara serentak di beberapa lokasi strategik, termasuk di Tapak Perindustrian Sangai-Sangai, Jalan Sangai-Sangai Burong Lepas Kampung Bengkurong, serta Tapak Perindustrian Ringan Lugu, Mukim Sengkurong.

Hasil siasatan mendapati berlakunya aktiviti penyelewengan bekalan elektrik yang digunakan untuk mengoperasikan peralatan seperti mesin *mining* bagi tujuan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



## Seorang wanita tempatan mengaku tidak bersalah



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Mei. - Seorang wanita tempatan, Nur Illyani binti Haji Abdul Kahar mengaku tidak bersalah atas kesalahan dengan sengaja menggunakan tuntutan kerja lebih masa untuk menipu Kementerian Kesihatan.

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendedahkan bahawa defendan, bekas pekerja di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah mengemukakan 31 dokumen tuntutan kerja lebih masa di antara 18 Februari 2015

hingga 17 September 2019.

Hasil daripada penyataan palsu tersebut, Jabatan Perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah memproses tuntutan - tuntutan tersebut dan membuat pembayaran kepada defendan.

Yang Arif Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid telah menengahkan kes tersebut pada 15 Mei 2025 untuk menetapkan tarikh perbicaraan.

Kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Raya, Jordan Tiah Teck Chiun manakala defendan tidak diwakili peguam.

Di bawah Bab 6(c) dari Akta Pencegahan Rasuah adalah menjadi suatu kesalahan dengan mengetahuinya menggunakan suatu dokumen yang mengandungi pernyataan palsu dengan niat untuk menipu prinsipal seseorang. Kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda dan penjara sehingga 7 tahun.

## Sebuah syarikat dikenakan kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

**TUTONG,** Khamis, 1 Mei. - Syarikat Court Pioneer Cawangan Tutong telah dikenakan kompaun sebanyak BND1,000 oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, Bab 12 (1) (e). Syarikat tersebut dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



MELONGGOKKAN sampah di tempat awam adalah salah satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, Bab 12 (1) (e).



## EKONOMI ZON EURO CATAT PERTUMBUHAN BERGANDA PADA SUKU PERTAMA DIPACU EKONOMI SELATAN

FRANKFURT, 1 Mei. - Ekonomi zon euro berkembang dua kali ganda daripada jangkaan penganalisis awal tahun ini, didorong oleh kemajuan ekonomi di negara-negara Eropah Selatan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut data awal yang dikeluarkan agensi statistik Kesatuan Eropah, Eurostat, pada Rabu, Keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) bagi blok mata wang 20 negara itu meningkat sebanyak 0.4 peratus pada suku pertama (Q1) berbanding suku sebelumnya. Ahli ekonomi sebelum ini hanya menjangkakan pertumbuhan sebanyak 0.2 peratus. Suku keempat 2024 pula mencatat pertumbuhan 0.2 peratus.

Dalam kalangan ekonomi utama zon euro, Sepanyol mencatat pertumbuhan tertinggi sebanyak 0.6 peratus, diikuti Itali (0.3 peratus), Jerman (0.2 peratus) dan

Perancis (0.1 peratus).

"Eropah Selatan kekal sebagai pemacu pertumbuhan," kata Ketua Ahli Ekonomi VP Bank, Thomas Gitzel, yang merujuk kepada kemungkinan lonjakan dalam sektor pelancongan sebagai pemangkin utama.

Bagaimanapun, ekonomi berorientasikan eksport seperti Jerman semakin terdedah kepada ketegangan geopolitik dan ketidakpastian perdagangan.

Kebimbangan turut memuncak

terhadap pertikaian tarif berpanjangan dengan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump, yang menurut ahli ekonomi boleh menjejaskan dagangan zon euro lewat tahun ini.

Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi ketika berdepan cabaran ini, Bank Pusat Eropah (ECB) menurunkan kadar faedah pada April buat kali ketujuh sejak musim

panas lepas, sebagai usaha merangsang permintaan dengan mengurangkan kos pinjaman kepada perniagaan dan pengguna.

Secara tahunan, KDNK zon euro meningkat 1.2 peratus pada suku pertama, mengatasi unjuran awal 1.1 peratus dan menyamai kadar pertumbuhan yang dicatat pada suku terakhir 2024. - ©BERNAMA

## PBB beri amaran perkhidmatan kesihatan di Gaza kian lumpuh akibat sekatan bahan api Israel

HAMILTON (Kanada), 30 April. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran pada Selasa bahawa perkhidmatan kesihatan asas di Semenanjung Gaza kini semakin lumpuh susulan tindakan berterusan pihak berkuasa Israel menghalang akses kepada bahan api dan bantuan penting, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Rakan kemanusiaan kami melaporkan bahawa akses kepada perkhidmatan kesihatan asas masih sangat terhad di seluruh Gaza,

khususnya bagi golongan paling rentan," kata jurucakap PBB, Stephane Dujarric dalam sidang media.

Beliau berkata lebih 150,000 wanita berisiko mengalami komplikasi kesihatan yang serius.

"Situasi bahan api semakin meruncing, dengan bekalan petrol hampir habis manakala simpanan diesel kini pada tahap kritikal," katanya sambil menjelaskan baki stok yang ada diutamakan untuk keperluan kesihatan, sanitasi air dan

sistem telekomunikasi.

Dujarric turut memaklumkan bahawa rakan-rakan kemanusiaan PBB berulang kali cuba mendapatkan semula bekalan bahan api dari kawasan yang kini tidak boleh diakses - sama ada berada di bawah arahan pemindahan aktif atau di zon larangan yang memerlukan kebenaran khas daripada pihak berkuasa Israel.

"Namun, usaha kami untuk memasuki kawasan ini sering dinafikan.

Hari ini sahaja, pihak berkuasa Israel menolak cubaan agensi-agensi PBB untuk mengambil bahan api dari Rafah.

Secara keseluruhan, kami dan rakan-rakan cuba melakukan lima pergerakan berkoordinasi hari ini, namun empat daripadanya ditolak.

Satu-satunya yang dibenarkan hanyalah pertukaran kakitangan, bukan penghantaran bantuan," katanya.

Tentera Israel memperbaharui serangan ke atas Gaza pada 18 Mac, sekali gus menamatkan perjanjian gencatan senjata dan pertukaran tahanan dengan Hamas yang dimeterai pada 19 Januari. - ©BERNAMA

## Amerika Syarikat dan Ukraine meterai perjanjian sumber yang dinanti-nantikan

WASHINGTON, 1 Mei. - Amerika Syarikat (AS) dan Ukraine menandatangani perjanjian untuk menubuhkan dana pelaburan pembinaan semula, menurut kenyataan Jabatan Perbendaharaan AS pada Rabu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Perkongsian ekonomi ini membolehkan kedua-dua negara bekerjasama secara kolaboratif dan melabur secara bersama untuk memastikan aset, bakat dan keupayaan bersama dapat mempercepat pemuliharaan ekonomi Ukraine," menurut jabatan itu.

Butiran terperinci perjanjian tidak didedahkan, namun dipercayai ia memberi akses istimewa kepada AS terhadap sumber asli Ukraine, termasuk logam nadir bumi yang penting untuk industri teknologi tinggi.

Kerajaan Ukraine berharap

keuntungan daripada perjanjian dapat disalurkan kepada usaha pembinaan semula negara yang musnah akibat perang.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Ekonomi Ukraine, Yulia Svyrydenko menegaskan bahawa Ukraine akan mengekalkan pemilikan penuh terhadap semua sumber mineralnya dalam perjanjian dengan AS.

Svyrydenko, yang menandatangani perjanjian itu di Washington, berkata antara ketentuan utama adalah bahawa semua sumber di wilayah darat dan perairan Ukraine kekal milik negara.

"Negara Ukraine akan menentukan apa yang akan diekstrak dan di mana," katanya di platform X.

Dana itu akan diurus secara bersama oleh kedua-dua negara.

"Tiada pihak yang mempunyai kuasa dominan - mencerminkan sifat kerjasama setara antara dua negara," tambahnya.

Beliau turut berkata dana itu dijangka menarik pelaburan antarabangsa ke Ukraine.

"Yang penting, perjanjian ini memberi isyarat kepada rakan global bahawa kerjasama jangka panjang dengan Ukraine - dalam tempoh berdekad-dekad - bukan sahaja boleh dicapai, malah boleh diyakini."

Rundingan perjanjian itu sebelum ini hampir gagal susulan pertikaian antara Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky dan Presiden AS, Donald Trump, di Rumah Putih pada Februari lalu.

Perjanjian ini masih perlu diratifikasi oleh Parlimen Ukraine sebelum boleh dikuatkuasakan. - ©BERNAMA

## Keselamatan Mekah tahan empat warga asing promosi kempen haji palsu dan mengelirukan

MEKAH, 30 April. - Rondaan keselamatan di Mekah menahan empat warga China atas kesalahan penipuan selepas mereka mempromosikan iklan kempen haji palsu dan mengelirukan di media sosial, kononnya menawarkan penginapan dan pengangkutan di tanah suci, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Kesemua suspek telah ditahan, dikenakan tindakan undang-undang dan seterusnya dirujuk kepada pihak Pendakwa Raya untuk siasatan lanjut.

Direktorat Keselamatan Awam menyeru warga tempatan dan jemaah untuk mematuhi peraturan haji serta melaporkan sebarang pelanggaran dengan menghubungi talian 911 bagi kawasan Mekah, Riyadh dan Wilayah Timur, atau 999 untuk wilayah lain di seluruh Kerajaan Arab Saudi. - ©BERNAMA

## Bahan kimia dalam plastik dikaitkan dengan kematian akibat penyakit jantung

NEW YORK, 30 April. - Bahan kimia yang lazim digunakan dalam pembungkusan makanan, plastik, losyen dan syampu didapati mempunyai kaitan dengan ratusan ribu kematian akibat penyakit jantung, menurut satu kajian yang diterbitkan dalam jurnal BioMedicine pada Selasa, lapor Xinhua.

Bahan kimia dikenali sebagai *phthalates*, bertanggungjawab terhadap lebih 350,000 kematian di seluruh dunia pada 2018, menurut hasil kajian para penyelidik.

Kira-kira 75 peratus daripada jumlah kematian itu direkodkan di Asia, Timur Tengah dan rantau Pasifik, mencerminkan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap lambakan plastik di negara-negara membangun.

"Walaupun penyelidik mengakui pendedahan kepada *phthalates*, turut berlaku seiring faktor risiko lain seperti obesiti dan gangguan metabolisme, penemuan itu menyumbang kepada bukti yang semakin meningkat bahawa bahan kimia dalam plastik membawa risiko kesihatan yang serius," lapor The Washington Post.

"*Phthalates* merupakan set bahan kimia yang ditambah ke dalam plastik bagi menjadikannya lebih anjal, lembut dan fleksibel.

Dalam produk seperti losyen, syampu dan minyak wangi, ia digunakan untuk mengekalkan bau.

Namun, kerana penggunaannya yang begitu meluas, sesetengah penyelidik menggelarnya sebagai 'bahan kimia di mana-mana', dan ia kini menjadi kebimbangan dalam kalangan saintis.

Dalam kajian epidemiologi, *phthalates* dikaitkan dengan masalah kesuburan lelaki, penyakit jantung, obesiti serta masalah hiperaktif dan kurang tumpuan (ADHD).

Di Amerika Syarikat, sembilan jenis *phthalates* masih dibenarkan untuk digunakan dalam pembungkusan makanan, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

## Trump rancang pengecualian cukai untuk alat ganti kereta selepas aduan industri

WASHINGTON, 30 April. - Pengeluar kereta di Amerika Syarikat (AS) bakal menerima pelepasan daripada tarif ke atas komponen kenderaan, menurut seorang pegawai kanan Jabatan Perdagangan pada Selasa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Kami hanya mahu membantu mereka dalam tempoh peralihan ini. Pada dasarnya mereka membayar 25 peratus," kata Presiden AS, Donald Trump.

Jurucakap Rumah Putih, Karoline Leavitt sebelum itu memaklumkan bahawa Trump akan menandatangani dekri berkaitan tarif kereta dalam masa terdekat, ekoran aduan daripada pihak industri.

Langkah pengecualian itu bertujuan mengurangkan beban cukai ke atas komponen import yang digunakan untuk pemasangan kenderaan di AS, menurut laporan.

Pegawai Jabatan Perdagangan mengesahkan bahawa tarif tambahan ke atas aluminium dan keluli tidak akan dikenakan terhadap alat ganti kereta bagi

mengelakkan beban berganda.

Peraturan itu juga akan terpakai kepada pengeluar kereta asing yang beroperasi di AS, termasuk BMW yang mempunyai kilang di South Carolina dan Mercedes di Alabama.

Kilang pengeluar Jerman di AS bergantung kepada import dari negara ketiga.

Syarikat Jerman juga mengeksport sejumlah besar alat ganti ke AS, sama ada untuk pembuat kereta tempatan atau untuk kilang milik mereka di negara itu.

Menurut Jabatan Perdagangan, satu fasa peralihan dirancang bagi pelaksanaan tarif 25 peratus ke atas komponen.

Pengeluar akan menerima bayaran balik sehingga 3.75 peratus daripada nilai kenderaan yang dibina di AS pada tahun pertama, yang akan dikurangkan kepada 2.5 peratus pada tahun kedua, dan bermula tahun ketiga, tarif itu akan dimansuhkan sepenuhnya.

Trump sebelum ini mengumumkan tarif sebanyak 25

peratus ke atas kereta dan alat ganti import.

Cukai ke atas kenderaan mula berkuat kuasa pada awal April, manakala cukai ke atas alat ganti akan bermula 3 Mei ini.

Setiausaha Perbendaharaan AS, Scott Bessent dalam sidang media di Rumah Putih berkata langkah itu akan memberi lonjakan besar kepada pengeluaran kereta di negara itu.

Langkah itu diambil selepas industri memberi amaran tentang kemungkinan kesan buruk serta peningkatan harga secara drastik sekiranya tiada tindakan diambil.

Penyelidik pasaran menganggarkan bahawa kira-kira separuh daripada kenderaan yang dijual di AS dipasang di luar negara.

Malah, pengeluar kereta AS sendiri menghasilkan banyak kenderaan di luar negara, khususnya di Mexico.

Beberapa anggaran menyatakan hanya 40 hingga 50 peratus daripada kenderaan yang dibina di AS sebenarnya dipasang di dalam negara. - ©BERNAMA

## INDONESIA TUBUH MAJLIS KEBAJIKAN PEKERJA UNTUK PERKUKUH HAK BURUH



JAKARTA, 2 Mei. - Presiden Indonesia, Prabowo Subianto mengumumkan penubuhan Majlis Kebajikan Pekerja Kebangsaan dalam langkah yang berpotensi mengubah landskap hak pekerjaan di negara itu, menandakan satu langkah penting bagi kebajikan dan keadilan pekerja.

200,000 orang di Tugu Negara, Jakarta Pusat sempena Hari Pekerja Antarabangsa pada Khamis, Prabowo menegaskan komitmen pentadbirannya untuk memperkukuh hak pekerja dan menggubal undang-undang buruh yang lebih adil.

"Tugas mereka ialah mengkaji keadaan pekerja dan memberi

nasihat kepada Presiden mengenai undang - undang yang tidak mencukupi atau gagal melindungi pekerja. Mereka akan menyalurkan maklum balas kepada saya, dan kami akan segera melakukan penambahbaikan," katanya merujuk kepada majlis yang baharu dibentuk itu.

Prabowo turut mengulangi

tumpuan pentadbirannya untuk memperluas akses kepada penjagaan kesihatan mampu milik, sejajar dengan visinya untuk meningkatkan kebajikan semua rakyat.

"Kami akan berusaha keras agar setiap warganegara Indonesia mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik dan ubat-ubatan paling mampu milik," katanya.

Menjawab tuntutan lama kesatuan sekerja, Prabowo menggariskan rancangan untuk memansuhkan penyumbangan luar, meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pekerja Domestik, menyemak semula Undang-undang Buruh 2003, melaksanakan gaji sara hidup, meluluskan undang-undang perlucutan hak aset bagi memerangi rasuah, serta menubuhkan pasukan petugas berkaitan penamatan pekerjaan.

Beliau mengesahkan bahawa cadangan itu akan dikaji secara serius oleh kementerian berkaitan, sekali gus memberi isyarat perubahan ketara dalam dasar buruh negara.

Prabowo turut memberi komitmen tegas untuk bertindak segera, dengan menyatakan bahawa kerajaan akan menubuhkan pasukan petugas dengan pantas dan mengambil langkah melindungi pekerja dalam sektor maritim dan perikanan.

Mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Pekerja Domestik, beliau menyuarakan harapan agar ia dapat dimuktamadkan dalam tempoh tiga bulan, yang berpotensi memberi manfaat kepada jutaan pekerja Indonesia. - ©BERNAMA

## 53 calon wanita pada PRU2025 Singapura, tertinggi dalam sejarah

SINGAPURA, 2 Mei. - Penyertaan wanita dalam Pilihan Raya Umum Singapura 2025 (PRU2025) mencapai rekod tertinggi baharu, dengan 53 calon wanita bertanding berbanding 40 pada PRU2020.

Ini merupakan bilangan calon wanita tertinggi dalam sejarah pilihan raya republik itu, menurut statistik komprehensif yang diperoleh daripada halaman multimedia The Straits Times bertajuk, 'GE2025: Who's standing where in Singapore's general election?'

Walaupun terdapat peningkatan, wanita hanya mewakili kira-kira 25 peratus daripada keseluruhan senarai calon, menonjolkan kemajuan serta jurang yang masih wujud

dalam aspek perwakilan gender.

Calon wanita itu datang daripada pelbagai latar belakang profesional, dengan bidang perniagaan dan undang-undang muncul sebagai yang paling lazim.

Beberapa calon turut membawa kepakaran daripada sektor perkhidmatan sosial dan media, mencerminkan kepelbagaian yang semakin meluas dalam pengalaman yang diwakili.

Antaranya ialah Alexis Dang, pengarah kanan di firma teknologi pengiklanan global Teads, yang bertanding di Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan (GRC) Punggol.

Penyertaan beliau dalam arena politik mencerminkan kehadiran semakin ramai profesional

daripada sektor bukan tradisional.

Secara keseluruhan, PRU2025 memperlihatkan gabungan kesinambungan dan perubahan dalam profil calon.

Walaupun sektor tradisional seperti undang - undang, perniagaan dan perkhidmatan awam masih mendominasi, terdapat peralihan ketara ke arah perwakilan yang lebih luas, termasuk calon daripada industri baharu dan latar belakang kurang konvensional.

Evolusi itu menandakan landskap politik yang semakin matang dan mencerminkan kepelbagaian masyarakat serta tenaga kerja Singapura.

Seramai 211 calon akan bertanding dalam PRU2025 Singapura. - ©BERNAMA

## Indonesia hantar kumpulan pertama jemaah haji ke Arab Saudi

JAKARTA, 2 Mei. - Indonesia secara rasmi memulakan operasi haji 2025 dengan penghantaran kumpulan pertama seramai 393 jemaah ke Arab Saudi awal pagi Jumaat, menurut Kementerian Hal Ehwal Agama republik itu.

Kumpulan pertama yang berlepas dari pusat pelepasan Jakarta-Pondok Gede itu bertolak dari Asrama Haji ke Lapangan Terbang Soekarno-Hatta untuk penerbangan ke Madinah, Arab Saudi pada 12.45 tengah malam.

Kumpulan itu yang terdiri daripada 171 lelaki dan 222 wanita, merupakan sebahagian daripada 7,514 jemaah yang dijadualkan

berlepas secara berperingkat pada hari sama dari pelbagai pusat pelepasan di seluruh negara.

Majlis pelepasan telah diadakan di asrama berkenaan pada Khamis, dihadiri Menteri Hal Ehwal Agama, Nasaruddin Umar; Menteri Kesihatan, Budi Gunadi Sadikin; Menteri Pengangkutan, Dudy Purwagandhi; dan Timbalan Speaker Parlimen, Cucun Ahmad Syamsurijal.

Ketua Pengarah Pengurusan Haji dan Umrah, Hilman Latief mengingatkan para jemaah yang mula memasuki asrama pada Rabu agar menunaikan ibadah haji dengan penuh keikhlasan dan mengikut ajaran Islam.

Beliau turut memberi amaran bahawa Arab Saudi tahun ini menguatkuasakan peraturan kemasukan dengan ketat, membenarkan hanya jemaah yang memiliki visa haji yang sah untuk memasuki negara itu.

"Berhati-hati terhadap individu atau organisasi yang menawarkan perkhidmatan tidak sah. Ini boleh membawa kepada penipuan atau masalah perundangan," katanya dalam satu kenyataan.

Tahun ini, seramai 221,000 jemaah haji akan berlepas dari semua pusat pelepasan di Indonesia, terdiri daripada 203,320 jemaah haji biasa dan 17,680 jemaah haji khas. - ©BERNAMA

## Angkasawan, pengasas firma robotik antara penerima pingat sempena Hari Belia China

BEIJING, 1 Mei. - Pingat 4 Mei Belia China 2025 telah dianugerahkan pada hari Rabu, dengan profesional teknologi sains muncul sebagai kumpulan terkemuka dalam kalangan pemenang.

Daripada 30 penerima yang memenangi penghormatan tertinggi negara untuk golongan muda yang cemerlang, kira-kira sedozen saintis dan jurutera - daripada angkasawan hingga pengasas syarikat permulaan robotik - menarik perhatian.

Perkadaran yang begitu tinggi menyerlahkan peranan penting generasi muda dalam memacu inovasi China.

Zhu Yangzhu dan Gui Haichao, dua angkasawan misi Shenzhou-16, di mana mereka

tinggal di orbit selama 154 hari, telah dianugerahkan penghormatan tertinggi negara untuk golongan muda yang cemerlang.

Zhu berkhidmat sebagai jurutera angkasa lepas, dan Gui sebagai pakar muatan.

Pemilihan Wang Xingxing dan Leng Xiaokun, pengasas Unitree Technology yang berpangkalan di Hangzhou dan Robotik Leju yang berpangkalan di Shenzhen, telah memperkuat pertumbuhan pesat industri robotik humanoid negara di sepanjang tahun lepas.

Penyelidik yang pakar dalam teknologi semikonduktor termaju, fizik sempadan dan kerjasama pemuliharaan tanah antarabangsa turut diiktiraf.

30 pasukan lagi yang menerima

penghormatan termasuk jurutera di belakang misi bulan Chang'e-6, pembangun kapal angkasa percubaan China yang boleh diguna semula, pakar dalam sistem pelancaran dan pemulihan roket maritim, inovator dalam reka bentuk alat mesin ketepatan, dan pereka digital permainan video 'Black Myth: Wukong' 2024.

Pingat 4 Mei Belia China telah dianugerahkan sejak 1997. Pingat yang disampaikan oleh Jawatankuasa Pusat Liga Belia Komunis dan Persekutuan Belia Seluruh China, merupakan penghormatan tertinggi yang dianugerahkan kepada belia dari semua lapisan masyarakat dan seluruh pelusuk negara. - ©XINHUA

## Perdana Menteri Libya arah tutup 25 misi diplomatik bagi jimat perbelanjaan

ANKARA/TRIPOLI, 1 Mei. - Perdana Menteri Libya, Abdulhamid Dbeibeh, pada Rabu mengumumkan rancangan untuk menutup 25 misi diplomatik negara itu di luar negara sebagai langkah mengurangkan perbelanjaan awam, lapor agensi Anadolu Ajansi (AA).

Langkah itu merupakan sebahagian daripada siri inisiatif penjimatan kos yang sedang dilaksanakan kerajaan, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Perpaduan Nasional.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi menilai semula jumlah kakitangan dan operasi di misi diplomatik yang masih beroperasi.

Selain itu, kerajaan Libya turut menghentikan pemberian biasiswa baharu untuk pengajian luar negara, manakala biasiswa sedia ada tidak akan disambung.

Peruntukan yang sebelum ini disalurkan untuk biasiswa luar negara akan digunakan semula bagi menyokong pelajar dan penyelidik dalam negara serta membangunkan projek Perpustakaan Elektronik Kebangsaan. - ©BERNAMA

## Arab Saudi kenakan tindakan tegas terhadap pelanggaran peraturan permit haji

JEDDAH, 1 Mei. - Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi mengesahkan bahawa tindakan penguatkuasaan kini dilaksanakan terhadap individu yang melaksanakan ibadah haji, memasuki atau menetap di Mekah dan kawasan Tanah Suci tanpa permit yang sah.

Jurucakap kementerian, Kolonel Talal bin Shalhoub berkata sesiapa yang didapati melanggar peraturan itu boleh dikenakan denda sehingga 20,000 riyal Saudi (SAR).

"Individu yang membantu pelanggaran ini, termasuk memohon visa bagi pihak lain, menyediakan pengangkutan, penempatan, menyembunyikan atau memberikan sebarang bentuk bantuan, boleh dikenakan denda sehingga SAR100,000," katanya semasa sesi Persidangan Komunikasi Digital.

Beliau menegaskan bahawa denda dikenakan bagi setiap pelanggaran individu.

Pelawat yang tinggal melebihi tempoh sah serta cuba menunaikan haji tanpa permit akan dihantar pulang serta diharamkan daripada memasuki negara itu selama 10 tahun.

Kolonel Talal turut memberi amaran mengenai penipuan berkaitan perkhidmatan haji seperti penginapan palsu, pengangkutan, penyediaan haiwan korban dan penggunaan gelang haji tiruan.

Beliau turut memaklumkan mengenai pelaksanaan inisiatif 'Makkah Route' di bawah Program Pengalaman Haji, sebahagian daripada Wawasan Saudi 2030.

Inisiatif itu kini beroperasi di 11 lapangan terbang di tujuh negara, dan sejak pelancarannya pada 1438 Hijrah (2017), ia memberi kemudahan kepada 940,657 jemaah haji. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## REBUTAN PIALA LELA CHETERIA 2025 BERMULA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Muhammad Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Jumaat, 2 Mei. - Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 secara rasminya telah dilancarkan dalam satu majlis yang berlangsung petang tadi di Padang dan Balapan, Berakas, di sini.

Majlis pembukaan tersebut diserikan lagi dengan keberangkatan tetamu kehormat, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Surah An-Nas, Surah Al-Falaq dan Surah Al-Ikhlash yang diketuai oleh Awang Muhammad Aidil bin Sazali, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Umum Kejohanan, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Dalam ucapannya, Pengiran Zamri menyatakan bahawa kejohanan sulung berkenaan akan menjadi satu catatan bersejarah dalam perkembangan serta kemajuan bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

"Yakin Football League, selaku penganjur, amat berbesar hati dan atas kemurahan hati Bravo Auto Sdn. Bhd. yang tampil sebagai penaja utama. Ini membuktikan penglibatan pihak swasta yang aktif dalam menyediakan peluang dan pentas terbaik untuk pemain-pemain muda negara bagi meningkatkan kemahiran serta potensi masing-masing," ujarnya.

Beliau turut menekankan bahawa penyertaan dua pasukan jemputan dari negara jiran, iaitu Persatuan Bola Sepak Miri FA dan Limbang FA akan mewarnai saingan dan meningkatkan lagi tahap persaingan.

"Peramba/saya amat yakin kejohanan ini merupakan medan terbaik untuk para pemain muda mempamerkan potensi, keupayaan dan ketahanan fizikal serta mental dalam usaha memburu kejayaan dan merebut Piala Lela Cheteria 2025," tambahnya lagi.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan sesi perkenalan pasukan, sesi bergambar ramai dan bacaan Doa Selamat, sebelum tetamu kehormat dijunjung menikmati jamuan dan seterusnya berkenan menyaksikan perlawanan pembukaan antara pasukan Gergasi FC menentang pasukan Supastrikas.

Perlawanan berkenaan menyaksikan pasukan Gergasi FC berpesta gol setelah menumpaskan pasukan Supastrikas dengan keputusan berakhir 4 - 0.

Kejohanan ini membuka tirai kepada perlawanan-perlawanan menarik dalam kalangan



**YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar berangkat hadir menyempurnakan pelancaran Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan Piala Lela Cheteria 2025.**

pemain-pemain bawah 18 tahun (B-18) dengan setiap pasukan turut dibenarkan menyenaraikan tiga orang pemain atas 18 tahun (Overage - OA), sekali gus menyediakan pengalaman berharga dan platform pembangunan untuk pemain

muda tempatan.

Juga hadir, para wakil daripada syarikat penaja utama Bravo Auto Sdn. Bhd.; pegawai-pegawai sukan; pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan; serta para penyokong tempatan dan dari negara jiran.

## Kelab Bola Sepak Gergasi dilancarkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BERAKAS**, Khamis, 1 Mei. - Penubuhan Kelab Bola Sepak Gergasi merupakan satu lagi pencapaian bersejarah yang penting dalam perkembangan yang membanggakan bagi Kumpulan Syarikat HiTUNE (HiTUNE Group of Companies) sekali gus mencerminkan satu lagi usaha dan sumbangan berharga dalam memberi impak positif terhadap pembangunan dan kecemerlangan bola sepak negara.

Seramai 30 pemain telah terpilih menyertai latihan bersama kelab Bola Sepak Gergasi di bawah bimbingan legenda bola sepak kebangsaan, Awang Haji

Mohammad Rosanan bin Haji Samak.

Jurulatih-jurulatih yang terdiri daripada bekas pemain bola sepak kebangsaan yang berpengalaman termasuk Awang Haji Rosaidi bin Haji Mohd. Kamis, Awang Zaini Tumih dan Awang Haji Mohd. Sallehin Kee bin Abdullah juga membantu menggilap potensi dalam meningkatkan kemajuan dan perkembangan pemain-pemain berkenaan.

"Semua pemain perlu mengambil peluang besar yang disediakan ini dengan sepenuhnya dengan menimba sedalam-dalamnya ilmu bola sepak yang

diberikan setiap kali latihan dan seterusnya memberi sumbangan kepada kejayaan pasukan pada kejohanan-kejohanan yang akan disertai nanti," jelas Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies yang juga selaku Pengerusi Yakin Football League, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang pada Majlis Perasmian Kelab Bola Sepak Gergasi yang berlangsung di Dewan Teater, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), di sini.

Beliau melahirkan keyakinan dengan usaha membentuk pasukan dan menggilap pemain-pemain muda berkenaan akan memberikan sinar kepada perkembangan dan kemajuan bola

sepak tanah air.

Menurutnya, pemain-pemain yang terpilih itu merupakan aset penting pasukan sambil menyeru agar mereka akan memberikan komitmen dan disiplin yang tinggi setiap sesi latihan dan sepanjang kejohanan-kejohanan yang akan disertai nanti.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies dan Yakin Football League, Awang Hermah Nur Imani bin Muhd. Jeffrey yakin Gergasi FC akan mampu melangkah ke hadapan dengan mencapai kejayaan dan mencipta legasi yang gemilang.

"Gergasi FC akan menggilap potensi pemain-pemain muda yang sudah tentu akan memberikan

impak positif kepada perkembangan bola sepak tanah air," jelasnya.

Katanya, dengan perasmian berkenaan, kelab itu secara rasmi memulakan perjalanan sebagai sebuah pasukan bola sepak tempatan yang berwibawa dan berwawasan tinggi untuk terus maju di persada bola sepak kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Pada majlis berkenaan, Pengerusi Yakin Football League, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang merasmikan penubuhan Kelab Bola Sepak Gergasi dan seterusnya melancarkan logo, jersi dan akaun Instagram (IG) rasmi kelab pasukan Gergasi.

Kelab Bola Sepak Gergasi akan menyertai kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan bagi merebut Piala Lela Cheteria yang akan bermula pada Jumaat.



**PENGERUSI** Yakin Football League semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Perasmian Kelab Bola Sepak Gergasi yang berlangsung di Dewan Teater, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

## Tahukah Awda

**DITUBUHKAN** pada tahun 2002, program Saringan Kesihatan Pekerja Asing (FWHS) bertujuan untuk memastikan kesihatan dan produktiviti pekerja asing di Negara Brunei Darussalam. Objektif utamanya termasuk pengesanan awal penyakit, meminimumkan risiko penularan penyakit kepada penduduk tempatan, mengekalkan tahap penyakit berjangkit yang rendah di negara ini, dan mengesahkan kecergasan perubatan pekerja asing untuk bekerja.

SUMBER : moh.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERSYUKUR DENGAN APA YANG ADA, JANGAN LEKA, TERUS MEMPERBAIKI DIRI